



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAAN



ISI KANDUNGAN

Table of Contents

SOROTAN | HIGHLIGHT

M/S 3

Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025

Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025

M/S 6

Peluncuran Buku 'Melabur dalam Masa Depan Penjagaan Malaysia'

Book Launch of 'Investing in Malaysia's Care Future'

M/S 7

Simposium Akademik Antarabangsa Anadolu

International Anadolu Symposium of Academic Studies

M/S 8

Menghargai Perlembagaan Persekutuan dalam Pembangunan Komuniti dan Negara

Appreciating the Federal Constitution in Community and National Building

M/S 9

Meneroka Impak Sosial: Membayangkan Semula Pendidikan untuk Masa Depan yang Lebih Adil, Mampan dan Kreatif

Unlocking Social Impact: Reimagining Education for a More Equitable, Sustainable and Creative Future

AKTIVITI-AKTIVITI ZON & WILAYAH | ACTIVITIES OF ZONES & REGIONS

M/S 11

ZON UTARA *Northern Zone*

M/S 17

ZON TENGAH *Central Zone*

M/S 22

ZON PANTAI TIMUR *East Coast Zone*

M/S 35

ZON SELATAN *Southern Zone*

M/S 38

WILAYAH SARAWAK *Sarawak Region*

M/S 42

WILAYAH SABAH *Sabah Region*

PUSAT-PUSAT MYSDG DAN JABATAN-JABATAN APPGM-SDG | MYSDG CENTRES & APPGM-SDG DEPARTMENTS

- | | M/S |
|--|-----|
| • PUSAT MYSDG UNTUK KETERANGKUMAN SOSIAL MYSDG CENTRE FOR SOCIAL INCLUSION | 51 |
| • AKADEMI MYSDG & JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MYSDG ACADEMY & CORPORATE COMMUNICATION DEPT | 52 |
| • JABATAN PENYELARASAN KAWASAN PARLIMEN CONSTITUENCY COORDINATION DEPT | 56 |
| • JABATAN PENGURUSAN PROJEK PROJECT MANAGEMENT DEPT | 57 |
| • JABATAN ADVOKASI DASAR PERINGKAT PARLIMEN PARLIAMENTARY POLICY ADVOCACY DEPT | 58 |
| • PENGURUSAN PEJABAT OFFICE MANAGEMENT | 60 |

SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT | PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

- | | |
|--|----|
| • PROGRAM AKAN DATANG UPCOMING PROGRAMME | 70 |
|--|----|


1-2.12.2025
Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025
Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025

APPGM-SDG, dengan kerjasama Koperasi Matlamat Pembangunan Lestari Berhad dan Persatuan Rakan Solusi Matlamat Pembangunan Lestari (PRS-MPL), telah menganjurkan Tamu SDG: Karnival Kelestarian Komuniti 2025 yang bertemakan “Inovasi Tempatan, Impak Global dalam Memacu SDG-SSE Melalui Keusahawanan Sosial” di Parlimen Malaysia. Acara ini disokong oleh Dana Kelestarian Rakan APPGM-SDG, Inisiatif Intervensi Dasar, usahsama bersama Yayasan Hasanah serta Kementerian Kewangan.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Tuan Rushdan Rusmi, Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Karnival merangkap Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, dan YB Puan Young Syefura Othman. Turut hadir memeriahkan majlis adalah tetamu kehormat termasuk YB Puan Rodiyah Sapiee, Bendahari Jawatankuasa APPGM-SDG; dan Raja Nur Diana Raja Harun, Ketua Perhubungan Strategik di Yayasan Hasanah. Pada Hari Kedua, Tamu SDG turut menerima kunjungan Tan Sri Dato’ Dr. Johari Abdul, Yang Dipertua Dewan Rakyat dan Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia.



APPGM-SDG, in collaboration with Koperasi Matlamat Pembangunan Lestari Berhad and Persatuan Rakan Solusi Matlamat Pembangunan Lestari (PRS-MPL), organised the Tamu SDG: Community Sustainability Carnival 2025, themed “Local Innovation, Global Impact in Driving SDG-SSE Through Social Entrepreneurship”, at the Parliament Malaysia. The event was supported by the APPGM-SDG Partner Sustainability Fund under the Policy Solutions Initiative, a joint initiative with Yayasan Hasanah and the Ministry of Finance.



The event was officiated by YB Tuan Rushdan Rusmi, Chairperson of the Carnival Organising Committee & APPGM-SDG Committee Member, and YB Puan Young Syefura Othman. Distinguished guests included YB Puan Rodiyah Sapiee, Treasurer of the APPGM-SDG Committee and Raja Nur Diana Raja Harun, Head of Partnership at Yayasan Hasanah. On the second day, the Tamu SDG welcomed a visit from Tan Sri Dato’ Dr. Johari Abdul, Speaker of the House of Representatives (Dewan Rakyat), and Datuk Johan Mahmood Merican, Secretary-General of the Treasury at the Ministry of Finance Malaysia.

Sepanjang dua hari tersebut, Tamu SDG telah menampilkan 5 sesi panel, bersama-sama 28 Rakan Solusi (SP) akar umbi yang membuka reruai untuk mempamerkan produk, inovasi, perkhidmatan, serta impak sosial yang dipacu oleh komuniti. Reruai lain termasuk rakan strategik seperti Setel, Sunlife Insurance, ANGKASA, dan 11 reruai zon, wilayah dan Jabatan APPGM-SDG. Platform ini memberi peluang kepada Ahli Parlimen serta jemputan lain untuk melihat kejayaan komuniti serta memperkukuh pengiktirafan dan sokongan terhadap projek akar umbi. Keseluruhan kehadiran melibatkan 40 Ahli Parlimen, 4 Senator, Yang Dipertua Dewan Rakyat, wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan, Yayasan Hasanah, Penyelaras Tempatan (LC), media, universiti, koperasi, 28 SP, dan 35 penerima manfaat komuniti. Selain itu, semasa sesi panel berlangsung, satu podcast telah diadakan bersama 17 Ahli Parlimen, 2 Senator, dan 22 SP bagi mendapatkan maklum balas mereka mengenai keseluruhan acara sambil berkongsi pengalaman serta impak projek.

Over the two days, Tamu SDG featured 5 panel sessions, along with 28 grassroots Solution Providers (SPs) operating booths to showcase their community-driven products, innovations, services, and social impact. Other booths included strategic partners such as Setel, Sunlife Insurance, ANGKASA, and 11 APPGM-SDG zonal, regional, and departmental booths. This platform allowed Members of Parliament (MPs) to witness community achievements and strengthen recognition and support for grassroots initiatives. Overall attendance included 40 Members of Parliament, 4 Senators, Speaker of the Dewan Rakyat, representatives from the Ministry of Finance, Yayasan Hasanah, Local Coordinators (LCs), media, universities, cooperatives, 28 SPs, and 35 community beneficiaries. In addition, during the panel sessions, a podcast was conducted with 17 MPs, 2 Senators, and 22 SPs to gather their feedback on the overall event while sharing project experiences and impact.

Direktori 2025 (Mengikut Zon/Wilayah) | 2025 Directories (By Zone/Region)



Pelan 5 Tahun untuk Koperasi & Persatuan | 5-Year Plan for Cooperative & Society



Buku Amalan Terbaik & Prosiding Persidangan | Best Practices Book & Conference Proceedings



Salinan Digital |
Digital Copy



Pemasaran adalah aspek penting bagi produk komuniti dalam memastikan inisiatif berkembang dan memberi impak maksimum.
Marketing is a crucial aspect of community products to ensure initiatives grow and deliver maximum impact.

- Tan Sri Dato' Dr. Johari Abdul




2.12.2025

Peluncuran Buku 'Melabur dalam Masa Depan Penjagaan Malaysia' *Book Launch of 'Investing in Malaysia's Care Future'*

Buku bertajuk "Melabur dalam Masa Depan Penjagaan Malaysia" telah dilancarkan secara rasmi di ISIS Malaysia, diikuti dengan satu sesi perbincangan panel yang mendalam. Disusun oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, penerbitan ini memaparkan bab-bab yang disumbangkan oleh kakitangan APPGM-SDG iaitu Dr. Teo Sue Ann (yang juga merupakan salah seorang ahli panel semasa pelancaran tersebut), Dr. Teo Lee Ken, Dr. Khairil Ahmad, Lydia Ann Bill dan Debbie Ann Loh. Majlis dimulakan dengan ucapan melalui video oleh Pengerusi ISIS Malaysia, Datuk Prof. Dr. Mohd Faiz Abdullah.

Buku ini menyediakan pelan hala tuju bagi ekonomi penjagaan yang berteraskan komuniti di Malaysia bagi menyokong golongan kanak-kanak, warga emas, dan orang kurang upaya (OKU). Ia menyokong usaha profesional tenaga kerja dalam bidang penjagaan serta penetapan piawaian kualiti yang ketat melalui kolaborasi pelbagai sektor bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang penuh kasih sayang dan bermaruah untuk semua.

The book "Investing in Malaysia's Care Future" was officially launched at ISIS Malaysia, followed by an insightful panel discussion. Curated by Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, the publication features chapters contributed by APPGM-SDG staff members Dr. Teo Sue Ann (who also served as a panelist during the launch), Dr. Teo Lee Ken, Dr. Khairil Ahmad, Lydia Ann Bill and Debbie Ann Loh. The event commenced with a video address by the Chairman of ISIS Malaysia, Datuk Prof. Dr. Mohd Faiz Abdullah.

The book provides a roadmap for a community-centred care economy in Malaysia that supports children, the elderly, and people with disabilities. It advocates for professionalising the care workforce and establishing strict quality standards through multi-sector collaboration to ensure compassionate and dignified service delivery for all.



Dr. Teo Sue Ann & Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria ketika sesi perbincangan panel.
 Dr. Teo Sue Ann & Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria during the panel discussion session.


12-14.12.2025

Simposium Akademik Antarabangsa Anadolu

International Anadolu Symposium of Academic Studies

Dr. Khairil Ahmad, Pengarah Pusat MySDG untuk Keterangkuman Sosial, telah dijemput sebagai tetamu kehormat ke Simposium Akademik Antarabangsa Anadolu yang berlangsung di Ankara, Türkiye. Simposium tersebut dianjurkan oleh International Center for Strategic Research (USAR) Türkiye dengan kolaborasi bersama beberapa universiti dan pusat penyelidikan Türkiye dan antarabangsa.

Sidang simposium telah membincangkan isu-isu global kontemporari dari perspektif pelbagai disiplin. Delegasi Malaysia turut disertai oleh Pengerusi Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) dan mantan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik, yang telah menyampaikan uapnama bertajuk “Dunia Yang Berubah dan Ancaman Yang Mendatang: Imperatif Peradaban Untuk Mengembalikan Jiwa Pendidikan”. Dr. Khairil, yang juga merupakan Profesor Adjung Amal di University of Nottingham Malaysia, telah menyampaikan pembentangan bertajuk “Antara Pertumbuhan Ekonomi dan Ketahanan Komuniti: Sumbangan Ekonomi Sosial dan Solidariti Terhadap Pembangunan Mampan di Malaysia dan ASEAN”.

Dr. Khairil Ahmad, Director of MySDG Centre for Social Inclusion, was invited as a guest of honour to the International Anadolu Symposium of Academic Studies which took place in Ankara, Türkiye. The symposium was organised by the International Center for Strategic Research (USAR) Türkiye in partnership with various Turkish and international universities and research centres.

The symposium addressed contemporary global issues from a multidisciplinary perspective. The Malaysian delegation included the Chairman of Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) and former Minister of Education, Dr. Maszlee Malik, who delivered a keynote address titled “A Changing World and Emerging Threats: The Civilisational Imperative of Reclaiming Education’s Soul” Dr. Khairil, who is also Adjunct Professor of Practice at the University of Nottingham Malaysia, delivered a presentation titled “Between Economic Growth and Community Resilience: Social and Solidarity Economy’s Contribution to Sustainable Development in Malaysia and ASEAN”.





13.12.2025

Menghargai Perlembagaan Persekutuan dalam Pembangunan Komuniti dan Negara

Appreciating the Federal Constitution in Community and National Building

Sesi bertajuk “Menghargai Perlembagaan Persekutuan dalam Pembangunan Komuniti dan Negara: Ciri-ciri Utama untuk Perpaduan Komuniti, Penghormatan Terhadap Kepelbagaian dan Hak Asasi” telah diadakan di Ruang Komuniti MySDG dengan penyertaan seramai 50 orang peserta secara bersemuka dan dalam talian.


Dianjurkan oleh APPGM-SDG, sesi ini telah disampaikan oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Hj Shad Saleem Faruqi, dan dikendalikan oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria sebagai moderator. Melalui perbincangan yang menarik dan menyeluruh, sesi tersebut meneroka Perlembagaan Persekutuan Malaysia dengan mengetengahkan asas sejarahnya, peruntukan-peruntukan utama, serta kerelevanannya yang berterusan dalam masyarakat hari ini. Penekanan khusus diberikan kepada peranan Perlembagaan dalam melindungi hak minoriti, memupuk perpaduan dalam kepelbagaian, serta mengimbangi kepentingan komuniti berbilang etnik di Malaysia.

Sesi ini merupakan sebahagian daripada usaha pemerkasaan komuniti kejiwaan yang dijalankan oleh APPGM-SDG di bawah Inisiatif Intervensi Dasar usahasama APPGM-SDG, Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan.

The session “Appreciating the Federal Constitution in Community and National Building: Key Features for Community Unity, Respect for Diversity and Fundamental Rights” was held at Ruang Komuniti MySDG with the participation of 50 participants both in-person and online.

Organised by APPGM-SDG, the session was led by Prof. Emeritus Datuk Dr. Hj Shad Saleem Faruqi and moderated by Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria. Through an engaging and comprehensive discussion, the session explored Malaysia’s Federal Constitution, highlighting its historical foundations, key provisions and continuing relevance in today’s society. Particular emphasis was placed on the Constitution’s role in protecting minority rights, fostering unity within diversity, and balancing the interests of Malaysia’s multi-ethnic communities.

This session forms part of APPGM-SDG’s ongoing neighbourhood community empowerment efforts under the Policy Solution joint initiative with APPGM-SDG, Yayasan Hasanah and the Ministry of Finance.




23.12.2025

Meneroka Impak Sosial: Membayangkan Semula Pendidikan untuk Masa Depan yang Lebih Adil, Mampan dan Kreatif

Unlocking Social Impact: Reimagining Education for a More Equitable, Sustainable and Creative Future

Akademi MySDG telah menganjurkan satu sesi dialog bertajuk “Meneroka Impak Sosial: Membayangkan Semula Pendidikan untuk Masa Depan yang Lebih Adil, Mampan dan Kreatif” (*Unlocking Social Impact: Reimagining Education for a More Equitable, Sustainable and Creative Future*) yang menampilkan Prof. Charles Eesley dari Universiti Stanford dan isteri beliau, Pn. Lijie Zhou. Kedua-duanya merupakan ahli utama Yayasan Keluarga Zhou & Eesley, sebuah organisasi yang berdedikasi kepada kesediaan digital dan AI, pendidikan keusahawanan, serta pelaburan impak yang bertujuan untuk memperkasakan komuniti pelarian dan kumpulan terpinggir.

Sesi tersebut turut dihadiri oleh wakil daripada Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur, Cik Khairunnisa, bersama-sama tetamu kehormat, Prof. Khairuddin dan Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria. Seramai 15 orang peserta telah menyertai dialog tersebut melalui format hibrid (secara bersemuka dan dalam talian), dengan sesi tersebut dikendalikan oleh Zoel Ng, Pengarah Akademi MySDG selaku moderator.

MySDG Academy organised a dialogue titled “Unlocking Social Impact: Reimagining Education for a More Equitable, Sustainable and Creative Future” featuring Prof. Charles Eesley of Stanford University and his wife, Ms. Lijie Zhou. Both are key members of the Zhou & Eesley Family Foundation, an organisation dedicated to digital and AI readiness, entrepreneurship education, and impact investments aimed at empowering refugee and marginalised communities.

The session was attended by a representative from the U.S. Embassy in Kuala Lumpur, Ms. Khairunnisa, alongside an esteemed guest, Prof. Khairuddin and Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria. A total of 15 participants joined the dialogue through a hybrid format (both in-person and online), with the session moderated by Zoel Ng, Director of MySDG Academy.





AKTIVITI-AKTIVITI ZON & WILAYAH

ACTIVITIES OF ZONES & REGIONS

Aktiviti-aktiviti Zon & Wilayah menampilkan pelaksanaan penyetempatan SDG di seluruh negara melalui pelbagai inisiatif di peringkat zon dan wilayah. Setiap zon telah melaksanakan sesi pemetaan isu, dialog antara agensi, serta bengkel pembangunan kapasiti melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Ahli Parlimen, agensi kerajaan, komuniti dan institusi akademik. **Pendekatan ini memperkukuh kerjasama merentasi sektor dan membina ekosistem sokongan yang mampan di peringkat akar umbi.**

Segala pelaksanaan ini digerakkan dengan sokongan berterusan daripada Ibu Pejabat APPGM-SDG yang menyediakan panduan teknikal, bahan komunikasi, dan pemantauan strategik.

*Activities of Zones & Regions highlight the implementation of SDG localisation efforts across Malaysia through initiatives carried out at the zone and regional levels. Each zone has conducted issue mapping sessions, inter-agency dialogues (IAD), and capacity-building workshops involving key stakeholders, including Members of Parliament, government agencies, communities, and academic institutions. **This approach strengthens cross-sector collaboration and builds a sustainable grassroots support ecosystem.***

All initiatives are carried out with continued support from the APPGM-SDG Headquarter, which provides technical guidance, communication materials, and strategic monitoring.

Accomplished

ZON UTARA | NORTHERN ZONE

PERAK | PULAU PINANG | KEDAH | PERLIS

11.12.2025

Parlimen Teluk Intan - Bengkel Pembangunan Kapasiti SDG

Teluk Intan Parliament - SDGs Capacity Building Workshop

6



Bengkel Pembangunan Kapasiti Parlimen Teluk Intan telah berlangsung di Hotel Kinta Riverfront, Ipoh dengan kehadiran 26 wakil agensi. Untuk memperkukuh rangkaian kerjasama SDG, APPGM-SDG turut menjemput wakil Urbanice bagi berkongsi Pelan Hala Tuju SDG dan dapatan *Voluntary Local Review* (VLR) Teluk Intan, dengan penghargaan kepada TPr Tn. Hj. Che Rashid Che Seman dan Pn. Mardiana Mohd Salleh atas pembentangan mereka. Berdasarkan kajian VLR, dua matlamat mencatatkan prestasi terbaik di Teluk Intan ialah SDG 11 (40%), dan SDG 12 (38.2%).

The Teluk Intan Parliamentary Capacity Building Workshop was held at Hotel Kinta Riverfront, Ipoh, with the participation of 26 agency representatives. To strengthen SDG collaboration networks, APPGM-SDG also invited representatives from Urbanice to present the SDG Roadmap and findings from the Voluntary Local Review (VLR) for Teluk Intan, with appreciation extended to TPr Tn. Hj. Che Rashid Che Seman and Ms. Mardiana Mohd Salleh for their presentations. Based on the VLR study, two goals recorded the strongest performance in Teluk Intan are SDG 11 (40%) and SDG 12 (38.2%).

13.12.2025

Parlimen Kuala Kedah - Majlis Graduasi Projek Solusi APPGM-SDG

Kuala Kedah Parliament - Graduation Ceremony of the APPGM-SDG Solution Projects

7



Majlis Graduasi Projek Solusi APPGM-SDG Parlimen Kuala Kedah telah diadakan di Dewan Al Amin, Kuala Kedah bagi meraikan kejayaan penerima manfaat serta mengiktiraf pencapaian projek, dan dirasmikan oleh YB Dato' Rushdan Rusmi, Ahli Parlimen Padang Besar merangkap Ahli Jawatankuasa APPGM, dengan ucapan aluan oleh YB Dr Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi, Ahli Parlimen Kuala Kedah, yang memaklumkan semua projek mencapai sasaran dan berjaya menjana pendapatan.

The Graduation Ceremony of the APPGM-SDG Solution Projects for the Kuala Kedah Parliament was held at Dewan Al Amin, Kuala Kedah to celebrate beneficiaries and recognise project achievements, and was officiated by YB Dato' Rushdan Rusmi, Member of Parliament for Padang Besar and APPGM Committee Member, with welcoming remarks by YB Dr Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi, Member of Parliament for Kuala Kedah, who highlighted that all projects had met their targets and successfully generated income.

13.12.2025

Sungai Siput - Program Pembangunan Belia*Sungai Siput - Youth Development Programme*

8



Young Leaders Day 2025 anjuran APPGM-SDG di bawah Program Pembangunan Belia telah berjaya dilaksanakan di SK Power Trading, Sungai Siput, Perak dengan menghimpunkan pelajar sekolah menengah dan ibu bapa dalam program kepimpinan sehari bertemakan "Own Your Voice. Own Your Future." yang bertujuan memperkukuh keyakinan diri, kemahiran kepimpinan dan komunikasi serta kesedaran terhadap isu seperti tekanan rakan sebaya dan buli siber, dengan kelancaran program hasil penyelarasan oleh Penyelaras Projek, Mary Malar, serta pengisian ucapan alu-aluan oleh Pengarah My Training Resources, En. Satiha Sundaram, ucapan perasmian oleh Timbalan Pengarah Eksekutif, James Raj, dan sesi pengenalan oleh Dr. Thanaraj, Ketua Wilayah Utara.

The Young Leaders Day 2025, organised under APPGM-SDG's Youth Development Programmes, was successfully held at SK Power Trading, Sungai Siput, Perak, bringing together secondary school students and parents for a one-day leadership experience themed "Own Your Voice. Own Your Future." aimed at building confidence, leadership, communication skills, and awareness of issues such as peer pressure and cyberbullying, with the programme smoothly coordinated by Project Coordinator Mary Malar, and featuring a welcoming speech by Mr. Satiha Sundaram, Director of My Training Resources, an opening address by Deputy Executive Director, James Raj, and an introductory session by Dr. Thanaraj, Northern Regions Head.

14.12.2025

Ipoh - Program Pembangunan Belia*Ipoh - Youth Development Programme*

9



Program Pembangunan Belia bertajuk 'Memperkasa Masa Depan Belia: Belia Generasi Akan Datang Beraksi' telah diadakan di Ipoh, Perak. Acara tersebut telah dirasmikan oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, yang menyampaikan ucapan inspirasi dan melancarkan saluran rasmi TikTok program tersebut untuk mempromosikan penglibatan belia dan kepimpinan beretika secara digital. Program ini merangkumi sesi interaktif mengenai kemahiran digital kreatif, anti-buli, kemahiran hidup, dan pengucapan awam. Secara keseluruhan, seramai 40 peserta telah terlibat.

A Youth Development Programme entitled 'Empowering the Future of the Youth : NextGen Youth in Action' was held in Ipoh, Perak. The event was launched by Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria who delivered an inspiring address and unveiled the programme's official TikTok channel to promote youth engagement and ethical leadership digitally. The programme included interactive sessions on creative digital skills, anti-bullying, life skills, and public speaking. Overall, 40 participants were engaged in this programme.

17.12.2025

Daerah Kubang Pasu - Mesyuarat Jawatankuasa SDG

Kubang Pasu District - SDG Committee Meeting

10



Mesyuarat Jawatankuasa SDG Daerah Kubang Pasu kali ke-2 bersama Jawatankuasa Kejiranan Kampung Charuk Bemban, Baling telah diadakan di Pejabat Daerah Kubang Pasu dan dipengerusikan oleh YBhg Dato' Muhammad Mahazi Hj. Ibrahim, Pegawai Daerah Kubang Pasu, bagi membincangkan lima Program Kejiranan Fasa 2 (2025–2026), status kelulusan ROS dan sijil jawatankuasa, perancangan program pertama pada 11 Januari 2026, serta lawatan ke pusat jahitan Anna CB yang mengusahakan pembuatan pakaian batik dan cenderamata. Turut hadir wakil APPGM-SDG iaitu Paniirselvam, Karuppiah, Maznah dan LC Kubang Pasu, serta pegawai pelbagai agensi dan Penghulu daerah.

The 2nd SDG Committee Meeting of the Kubang Pasu District, held together with the Neighbourhood Committee of Kampung Charuk Bemban, Baling, took place at the Kubang Pasu District Office and was chaired by YBhg Dato' Muhammad Mahazi Hj. Ibrahim, District Officer of Kubang Pasu, to discuss five Phase 2 Neighbourhood Programmes (2025–2026), the status of ROS approval and committee certification, planning for the first programme scheduled on 11 January 2026, and a visit to the Anna CB sewing centre, which produces batik clothing and souvenirs. Also attended were APPGM-SDG representatives Paniirselvam, Karuppiah, Maznah, and the Kubang Pasu Local Coordinator, as well as officers from various agencies and district heads.

18.12.2025

Parlimen Langkawi - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK)

Langkawi Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK)

11



'Program Ramah Mesra bersama Pemimpin dan Komuniti' Fasa ke-2 telah berlangsung di Langkawi, melibatkan seramai 160 orang peserta daripada pelbagai peringkat umur. Program yang dirasmikan oleh Ahli Parlimen Langkawi, YB Dato' Haji Suhaimi Abdullah, bertujuan untuk memperkukuh hubungan antara pemimpin dan penduduk setempat melalui pelbagai aktiviti kreatif dan kemahiran seperti bengkel gubahan bunga kawat bulu, mewarna batik, serta perkhidmatan gunting rambut percuma. Selain aktiviti sosial, aspek ekonomi komuniti turut diperkasa melalui sistem makanan berkupon yang menyokong peniaga kecil tempatan.

The Phase 2 'Program Ramah Mesra bersama Pemimpin dan Komuniti' programme was held in Langkawi, involving 160 participants of various ages. Officially launched by the MP for Langkawi, YB Dato' Haji Suhaimi Abdullah, the programme aimed to strengthen the relationship between leaders and local residents through various creative and skill-based activities, such as chenille stems flower arrangement workshops, batik coloring, and free haircut services. Beyond social activities, the local economy was also empowered through a coupon-based food system designed to support small local vendors.

18.12.2025

Christmas Get Together Tamil Methodist Church

Christmas Get Together Tamil Methodist Church

12



Tamil Methodist Church Jelapang, Ipoh telah menganjurkan acara Christmas Get Together yang berlangsung dalam suasana penuh kegembiraan dan kasih sayang, mencerminkan semangat Krismas yang erat dalam kalangan jemaat melalui pelbagai aktiviti seperti persembahan muzik, tarian dan drama bertemakan Krismas, di samping mengukuhkan hubungan sesama ahli gereja, dan program ini telah dirasmikan oleh ADUN Jelapang, YB Tn. Cheah Pou Hian.

Tamil Methodist Church Jelapang, Ipoh organised a Christmas Get Together event held in an atmosphere filled with joy and warmth, reflecting a strong Christmas spirit among the congregation through various activities such as Christmas-themed music performances, dances and drama, while also strengthening bonds among church members, and the programme was officiated by the Jelapang State Assemblyman, YB Tn. Cheah Pou Hian.

19-20.12.2025

Parlimen Langkawi - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK)

Langkawi Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK)

13



Bengkel Kepimpinan dan Tadbir Urus Jawatankuasa Kejiranan Kg Ayer Hitam telah dilaksanakan bertempat di Malibest Resort, Langkawi. Program ini bertujuan untuk memperkasa kepimpinan komuniti dan memantapkan tadbir urus organisasi agar lebih sistematik dan berintegriti menerusi pengisian taklimat oleh wakil APPGM-SDG serta aktiviti interaktif. Selain sesi perancangan program komuniti dan kerjasama strategik bersama Kejiranan Langkawi, bengkel yang dirasmikan oleh Paniirselvam ini turut menyelitkan aktiviti sukaneka bagi mengukuhkan kerjasama pasukan, sekali gus mencapai objektif untuk melahirkan jawatankuasa yang lebih berkesan dan berdaya maju.

The Kampung Ayer Hitam Neighbourhood Committee Leadership and Governance Workshop was held at Malibest Resort, Langkawi. The programme aimed to empower community leadership and strengthen organisational governance to be more systematic and principled through briefings by APPGM-SDG representatives and interactive activities. In addition to community programme planning sessions and strategic collaboration with the Langkawi Neighbourhood Committee, the workshop—officiated by Paniirselvam—also included recreational tele-match activities to enhance teamwork, successfully achieving the objective of developing a more effective and progressive committee.

20.12.2025

Parlimen Sungai Petani - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK)

Sungai Petani Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK)

14



Program Kejiranan dan Kepimpinan: Program Komuniti Perpaduan Sejahtera telah dilaksanakan dengan pengisian aktiviti utama seperti pertandingan mewarna, zumba, pertunjukan kebakaran oleh bomba, taklimat dan pameran agensi, cabutan bertuah serta gotong-royong, melibatkan penyertaan 220 orang peserta daripada semua peringkat umur, dan program ini telah dirasmikan oleh ADUN Sidam, YB Bau Wong Bau Ek, sebagai usaha menterjemahkan nilai kebersamaan serta semangat kejiranan, dengan pihak Kejiranan merakamkan penghargaan kepada APPGM-SDG dan Yayasan Hasanah atas sokongan yang diberikan.

The Neighbourhood and Leadership Programme: Community Harmony Programme was implemented with key activities including a colouring competition, zumba, a fire safety demonstration by the Fire and Rescue Department, agency briefings and exhibitions, lucky draws, and a community clean-up, involving 220 participants from all age groups, and was officiated by the Sidam State Assemblyman, YB Bau Wong Bau Ek, as an effort to foster togetherness and strengthen the spirit of neighbourhood cohesion, with the neighbourhood committee expressing its appreciation to APPGM-SDG and Yayasan Hasanah for their support.

21.12.2025

Parlimen Teluk Intan - Projek 'Dari Sungai ke Sumber Rezeki: Projek Pelancongan Berasaskan Komuniti'

Teluk Intan Parliament - From River to Revenue: Community-Led Tourism Project

15



Projek 'Dari Sungai ke Sumber Rezeki: Projek Pelancongan Berasaskan Komuniti' telah diakhiri dengan majlis penutupan di Firefly Marvels River Cruise, Teluk Intan, yang dihadiri oleh wakil pihak berkuasa tempatan, pertubuhan alam sekitar, St. John Ambulance (SJAM) serta pemimpin komuniti, di samping pelaksanaan program pembersihan sungai "Sungai Tiada Sampah, Hidup Sejahtera" di sekitar Pulau Bangau, dengan fokus projek kepada penyediaan latihan dan pensijilan seperti pelesenan bot, pertolongan cemas, Mesra Malaysia dan pemandu pelancong bagi memperkukuh kapasiti ekopelancongan, memelihara warisan budaya tempatan serta meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi sambil memupuk kesedaran alam sekitar dan kelestarian jangka panjang.


The 'From River to Revenue: Community-Led Tourism' project concluded with a closing ceremony at Firefly Marvels River Cruise, Teluk Intan, attended by representatives from local authorities, environmental organisations, St. John Ambulance (SJAM) and community leaders, alongside the implementation of the "Sungai Tiada Sampah, Hidup Sejahtera" river clean-up programme near Pulau Bangau, with the project focusing on providing training and certification in areas such as boat licensing, first aid, Mesra Malaysia and tourism guiding to strengthen eco-tourism capacity, preserve local cultural heritage and improve socio-economic conditions while promoting environmental awareness and long-term sustainability.

23.12.2025

Mesyuarat Persediaan bagi Persidangan Pegawai Daerah (DO)

Preparatory Meeting for the District Officers (DO) Conference

16



Pasukan PSD telah mengadakan perbincangan bersama Ketua Zon Utara dan Penyelaras Tempatan (LC) berkaitan perancangan dan penyelarasan penganjuran Persidangan Pegawai Daerah di Zon Utara yang dijadualkan berlangsung pada tahun hadapan.

The PSD team held a discussion with the Head of the Northern Zone and LCs on the planning and arrangements for the DO Conference in the Northern Zone, scheduled to be held next year.

25.12.2025

Parlimen Larut - Lawatan Projek ke Kursus Asas Ternakan Ruminan

Larut Parliament - Project Visit to Basic Ruminant Livestock Course

17



Projek 'Kursus Asas Ternakan Ruminan' merupakan satu intervensi pembangunan komuniti yang dirancang bagi menangani isu struktur ketiadaan pusat sembelihan dan pemasaran yang telah dikenal pasti melalui pemetaan kawasan 2025. Program ini membekalkan penternak kecil dengan kemahiran praktikal dalam pengurusan makanan, tanaman napier, dan vaksinasi bagi mengurangkan kos logistik serta meningkatkan kesihatan ternakan secara sistematik. Impak projek ini jelas terlihat melalui peningkatan pengetahuan dan keyakinan peserta dalam mengurus aktiviti penternakan secara lebih mampan, sementara bagi Rakan Solusi, ia telah memperkukuh kemahiran fasilitasi dan kredibiliti dalam merangka intervensi masa hadapan.

The 'Basic Ruminant Farming Course' project is a community development intervention designed to address the structural issues of lacking slaughterhouses and marketing centres, as identified through the 2025 issue mapping. The programme provides small-scale farmers with practical skills in feed management, napier grass cultivation, and vaccination to reduce logistical costs and systematically improve livestock health. The impact of this project is clearly demonstrated by the participants' increased knowledge and confidence in managing farming activities more sustainably, while for the Solution Providers, it has strengthened facilitation skills and credibility in designing future interventions.



31.12.2025

Parlimen Sungai Siput - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK)
Sungai Siput Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK)

18



Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) Kampung Jaya Setia, Sungai Siput telah dilaksanakan sebagai inisiatif memperkukuh perpaduan dan keharmonian komuniti setempat melalui kerjasama Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), dengan penglibatan aktif penduduk pelbagai peringkat umur dalam memupuk nilai murni, semangat gotong-royong dan ukhuwah kejiranan. Program sehari yang bersempena ambang Tahun Baharu 2026 ini telah dirasmikan oleh Ahli Parlimen Sungai Siput, YB Kesavan Subramaniam, serta disokong oleh Ketua Kampung dan JPKK, dan dimeriahkan dengan penyertaan pelbagai agensi kerajaan melalui aktiviti berimpak tinggi seperti ceramah kesihatan, pencegahan dadah, pameran kesedaran serta demonstrasi keselamatan dan penyelamatan.

The Neighbourhood and Leadership Programme (PKK) in Kampung Jaya Setia, Sungai Siput, was implemented as an initiative to strengthen community unity and harmony through collaboration with Yayasan Hasanah and the Ministry of Finance Malaysia (MOF), with active participation from residents of all age groups in fostering shared values, the spirit of mutual cooperation, and neighbourhood solidarity. Held as a one-day programme in conjunction with the lead-up to the 2026 New Year, the event was officiated by the Member of Parliament for Sungai Siput, YB Kesavan Subramaniam, supported by the Village Head and the JPKK, and enriched by the participation of various government agencies through high-impact activities such as health talks, drug prevention sessions, awareness exhibitions, and safety and rescue demonstrations.

30.12.2025

Parlimen Jerlun - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK)
Jerlun Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK)

19



Program Pemimpin Prihatin – Menjana Komuniti Sihat dan Aktif telah berjaya dianjurkan di Kampung Ayer Hitam, Jerlun, Kedah, bagi menggalakkan amalan gaya hidup sihat serta mengeratkan silaturrahim dalam kalangan komuniti setempat melalui kerjasama pelbagai organisasi komuniti. Majlis perasmian dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengurus GIATMARA Jerlun, En. Khairul Hisham Mahmud, dan program ini mendapat sambutan amat menggalakkan dengan penyertaan seramai 120 orang peserta merangkumi warga emas, golongan dewasa dan kanak-kanak.

The Pemimpin Prihatin – Building a Healthy and Active Community Programme was successfully held in Kampung Ayer Hitam, Jerlun, Kedah, with the aim of promoting healthy lifestyle practices and strengthening community bonds through collaboration among various community organisations. The programme was officiated by the Manager of GIATMARA Jerlun, Mr Khairul Hisham Mahmud, and received an encouraging response with the participation of 120 participants, including senior citizens, adults, and children.



ZON TENGAH | CENTRAL ZONE

SELANGOR | WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

6.12.2025

Parlimen Petaling Jaya - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) *Petaling Jaya Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK)*

20



Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) bagi Persatuan Warisan Kraf Wanita (PWKW), Taman Dato Harun, Petaling Jaya melalui aktiviti PKK 1 bertemakan "Membina Pemimpin, Memperkasa Komuniti" telah dianjurkan oleh PWKW dengan kerjasama KRT Kawasan PKNS Taman Dato' Harun di Balairaya MBPJ PJS 2C/5 Flat PKNS. Program ini dirasmikan oleh Tn. Halimey Abu Bakar, Penyelaras DUN Taman Medan, dan turut dihadiri oleh tetamu kehormat termasuk En. Muhammad Nabil Halimi (Ahli Majlis MBPJ Zon 18), Pn. Norah Mansur (Ahli Majlis MBPJ Zon 17) dan Tn. Hee Loy Sian, Pengerusi SWM Environment.

The Neighbourhood and Leadership Programme (PKK) for the Persatuan Warisan Kraf Wanita (PWKW), Taman Dato Harun, Petaling Jaya, through its PKK 1 activity themed "Building Leaders, Empowering Communities," was organised by PWKW in collaboration with the PKNS Taman Dato' Harun Rukun Tetangga at the MBPJ Community Hall, PJS 2C/5, Flat PKNS. The programme was officiated by Tn. Halimey Abu Bakar, Coordinator for the Taman Medan State Constituency, and was also attended by honoured guests including Ms. Muhammad Nabil Halimi (MBPJ Councillor, Zone 18), Ms. Norah Mansur (MBPJ Councillor, Zone 17), and Mr. Hee Loy Sian, Chairman of SWM Environment.

14.12.2025

Parlimen Cheras - Kebun Komuniti Ceria Indah *Cheras Parliament - Ceria Indah Community Farming*

21



Nur Shaidatul dan Rachel Tan telah menghadiri Majlis Penyampaian Sijil kepada peserta di Pertubuhan Kebun Ceria Indah, Cheras sempena kejayaan penamatan Fasa 2 projek, yang merangkumi pelaksanaan projek fertigasi cili dalam rumah hijau oleh En. Chong dengan hasil tuaian diproses menjadi sos cili untuk jualan dan edaran peserta, sekali gus meningkatkan kemahiran praktikal serta menjana pendapatan melalui produk nilai tambah pertanian.

Nur Shaidatul and Rachel Tan attended the Certificate Giving Ceremony for participants at Pertubuhan Kebun Ceria Indah, Cheras, marking the successful completion of all activities under Phase 2 of the project, which included the implementation of a greenhouse-based chilli fertigation initiative by Mr. Chong, with harvested chillies processed into chilli sauce for sale and participant distribution, enhancing practical skills while supporting income generation through value-added agricultural products.



13-23.12.2025

Parlimen Selayang - Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD)
Selayang Parliament - Focus Group Discussion (FGD)

22



APPGM-SDG dan Yayasan Hasanah dengan kerjasama strategik Pertubuhan Perkhidmatan Sosial Pembangunan Komuniti (PSPK) telah melaksanakan 10 siri Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) seperti berikut: FGD 1 (Ibu Bapa dengan Anak Bersekolah) yang meneliti isu kos pendidikan, keperluan tuisyen dan kehadiran ke sekolah; FGD 2 (Komuniti Warga Emas) yang memfokuskan kekurangan fasiliti mesra usia, pengangkutan, keselamatan dan kebersihan; FGD 3 (Komuniti Setempat) yang mengenal pasti tahap kefahaman SDG, pengurusan sisa dan keperluan program komuniti berstruktur; FGD 4 (Perusahaan Sosial/SSE) yang membincangkan kesedaran, penjenamaan serta sokongan kerajaan terhadap SSE; FGD 5 (Belia Pelarian) yang menyorot isu akses kesihatan, pendidikan, perumahan, dokumentasi dan diskriminasi; FGD 6 (Wanita dalam Mikro) yang menekankan cabaran pendaftaran perniagaan, pelesenan, tapak niaga, latihan dan akses bantuan; FGD 7 (Belia) yang memfokuskan isu kemahiran, peluang pekerjaan, tekanan kewangan dan diskriminasi; FGD 8 (Penduduk Taman Selayang Makmur) yang meneliti isu kebersihan, infrastruktur dan keselamatan komuniti; FGD 9 (Pemimpin Komuniti) yang membincangkan kelemahan penyelarasan aduan, pengurusan sisa dan keselamatan setempat; serta FGD 10 (Pengendali Rumah Kebajikan) yang memberi tumpuan kepada isu pengurusan sisa, parkir kecemasan, kos perkhidmatan, permit, dokumentasi dan pengiktirafan pusat jagaan.

APPGM-SDG and Yayasan Hasanah, in strategic collaboration with Pertubuhan Perkhidmatan Sosial Pembangunan Komuniti (PSPK), conducted 10 Focus Group Discussion (FGD) sessions as follows: FGD 1 (Parents with School-Going Children) examined issues related to education costs, the need for tuition centres and school attendance; FGD 2 (Elderly Community) focused on the lack of age-friendly facilities, transportation, safety and cleanliness; FGD 3 (Local Community) identified gaps in SDG awareness, solid waste management and the need for structured community programmes; FGD 4 (Social Enterprise/SSE) discussed public awareness, branding and government support for SSEs; FGD 5 (Youth Refugees) highlighted challenges in accessing healthcare, education, housing, documentation and experiences of discrimination; FGD 6 (Women in Micro-enterprises) emphasised challenges in business registration, licensing, business premises, skills training and access to assistance; FGD 7 (Youth) focused on skills gaps, employment opportunities, financial pressure and discrimination; FGD 8 (Residents of Taman Selayang Makmur) examined issues of cleanliness, infrastructure and community safety; FGD 9 (Community Leaders) discussed weaknesses in complaint coordination, waste management and local security; and FGD 10 (Welfare Home Operators) focused on waste management, emergency parking access, service costs, permits, documentation and recognition of care centres.

16.12.2025

Parlimen Petaling Jaya - Kunjungan Hormat ke MBPJ*Petaling Jaya Parliament - Courtesy Visit to MBPJ*

23



APPGM-SDG telah mengadakan kunjungan hormat ke Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ) bagi membentangkan Inisiatif Intervensi Dasar APPGM-SDG di peringkat Parlimen Petaling Jaya, membincangkan potensi kerjasama strategik dan peranan MBPJ dalam pelaksanaannya, di samping mendengar perkongsian perkembangan *Voluntary Local Review (VLR) 2025* serta pelaksanaan visi *Petaling Jaya Smart, Sustainable and Resilient 2030 (PJSSR 2030)* yang berteraskan SDG, dengan hasil perbincangan mencapai persetujuan kerjasama strategik melalui penyertaan APPGM-SDG sebagai ahli Jawatankuasa MBPJ-SDG yang berkaitan bagi menyumbang pandangan dan input, khususnya dari peringkat akar umbi.

APPGM-SDG conducted a courtesy visit to the Petaling Jaya City Council (MBPJ) to present the APPGM-SDG Policy Intervention Initiative at the Petaling Jaya parliamentary level, discuss potential strategic collaboration and MBPJ's role in its implementation, as well as to hear updates on the Voluntary Local Review (VLR) 2025 and the implementation of the Petaling Jaya Smart, Sustainable and Resilient 2030 (PJSSR 2030) vision anchored in the SDGs, with the discussion resulting in an agreement on strategic collaboration, including APPGM-SDG's participation as a member of the relevant MBPJ-SDG Committee to contribute insights and inputs, particularly from the grassroots level.

17.12.2025

Parlimen Kapar - Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung*Kapar Parliament - Dialogue Session with The Village Community*

24



Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Nur Rahmah dan James Raj telah berada di Kapar bersama YB Dr. Hajah Halimah Ali bagi mengadakan sesi dialog bersama komuniti di Kampung Sungai Udang, Klang, serta singgah ke pengkalan nelayan Kampung Rantau Panjang di mana para nelayan turut berkongsi potensi lokasi yang dikenal pasti untuk pelaksanaan projek mereka.



Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Nur Rahmah, and James Raj were in Kapar with YB Dr. Hajah Halimah Ali to hold a dialogue session with the community in Kampung Sungai Udang, Klang, and also stopped by the fishermen's jetties of Kampung Rantau Panjang, where the fishermen shared the potential location identified for the implementation of their project.



21.12.2025

Parlimen Hulu Selangor - Program Kejiranan Komuniti (PKK)*Hulu Selangor Parliament - Community Neighbourhood Programme (PKK)*

25



Program Kejiranan Komuniti (PKK) telah dilaksanakan di bawah Program Komuniti Prihatin Banci & Profil Kampung di Kampung Orang Asli (KOA) Gerachi Jaya dengan tujuan melaksanakan banci penduduk, menyediakan fail JPKKOA, serta berkongsi hala tuju JPKKOA kampung dan perancangan program APPGM-SDG bagi tahun 2026, sekali gus menyasarkan kesepakatan komuniti dan kelengkapan data penduduk.

The Community Neighbourhood Programme (PKK) was implemented under the 'Program Komuniti Prihatin Banci & Profil Kampung' at Kampung Orang Asli (KOA) Gerachi Jaya, with the objectives of conducting a population census, preparing JPKKOA records, and sharing the village JPKKOA's direction as well as APPGM-SDG programme plans for 2026, while fostering community consensus and ensuring comprehensive residents' data.

21.12.2025

Parlimen Gombak - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK)*Gombak Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK)*

26



Karuppiah telah menghadiri Program Kejiranan Komuniti Kundang yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kejiranan Pertubuhan Hindu Dharma Mamandram Kundang, Selangor. Program ini dipengerusikan oleh En. Hariprakash dan menampilkan pelbagai aktiviti untuk komuniti setempat, termasuk pemeriksaan kesihatan, ceramah keselamatan oleh Polis Kundang, aktiviti permainan untuk kanak-kanak serta pengisian khas untuk golongan dewasa. Program komuniti pertama yang diadakan di Kampung Baru Kundang ini telah berjaya menarik penyertaan lebih daripada 120 orang penduduk.

Karuppiah attended the Kundang Community Neighbourhood Programme organised by the Neighbourhood Committee of the Hindu Dharma Mamandram Kundang, Selangor. Chaired by Mr. Hariprakash, the programme featured various activities for the local community, including health screenings, a safety briefing by the Kundang Police, games for children, and dedicated activities for adults. This first community programme held in Kampung Baru Kundang successfully attracted the participation of more than 120 residents.



27.12.2025

Parlimen Batu - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) (2025-2026)
Batu Parliament - Community Neighbourhood Programme (PKK) (2025-2026)

27



Program Kejiranan dan Kepimpinan Fasa 2 (2025-2026) di PPR Beringin, Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Kejiranan KRT Beringin dengan penglibatan Pn. Rozaini selaku Pengerusi KTT, melibatkan kerjasama Jabatan Kesihatan, DBKL, Pejabat MP Batu dan Polis IPD Sentul melalui ceramah keselamatan oleh Inspektor Zaharul, di samping penganjuran aktiviti komuniti, saringan kesihatan serta penyaluran sumbangan kepada pelajar sekolah kurang berkemampuan.

The Neighbourhood and Leadership Programme Phase 2 (2025-2026) at PPR Beringin, Batu, Federal Territory of Kuala Lumpur was organised by the KRT Beringin Neighbourhood Committee with the involvement of Ms. Rozaini as Chairperson of KTT, in collaboration with the Health Department, Kuala Lumpur City Hall (DBKL), the Batu Member of Parliament's Office and the Sentul District Police Headquarters through a safety talk delivered by Inspector Zaharul, alongside community activities, health screenings and the distribution of assistance to underprivileged school students.

30.12.2025

Parlimen Selayang - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK)
Selayang Parliament - Community Neighbourhood Programme (PKK)

28



Program Kejiranan dan Kepimpinan Jawatankuasa Kejiranan Taman Baru Kundang, Selayang telah diadakan selama dua hari di Kem Permata, Alor Gajah, Melaka. Program ini disertai oleh Pengerusi Jawatankuasa Kejiranan, En. Hariprakash, bersama seramai 40 orang Ahli Jawatankuasa (AJK) dan diisi dengan pelbagai aktiviti kepimpinan serta rekreasi bagi memperkukuh kerjasama dan semangat berpasukan. Kem kepimpinan ini merupakan aktiviti fasa kedua di bawah inisiatif APPGM-SDG, dan turut dihadiri oleh Karuppiyah.

The Neighbourhood Leadership Camp Programme of the Taman Baru Kundang Neighbourhood Committee, Selayang, was held over two days at Kem Permata, Alor Gajah, Melaka. The programme was attended by the Neighbourhood Committee Chairperson, Mr Hariprakash, together with 40 committee members, and featured various leadership and recreational activities aimed at strengthening teamwork and collaboration. This leadership camp marked the second phase of the APPGM-SDG initiative and was also attended by Karuppiyah.



ZON PANTAI TIMUR | EAST COAST ZONE

KELANTAN | TERENGGANU | PAHANG

1.12.2025

Kunjung Hormat ke UPEN *Courtesy Visit to UPEN*

29



Kunjung hormat bersama Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN) telah diadakan di Bilik Raflesia, Kompleks Pentadbiran Darul Naim dan dipengerusikan oleh En. Mohd Hafiz, Ketua Penolong Pengarah Wilayah, bersama wakil UPEN iaitu Pn. Mimi Fariza, En. Tengku Ahmad Zarir dan En. Mohamad Ashraf. UPEN menyatakan sokongan penuh terhadap inisiatif intervensi dasar ini serta akan mengangkat kertas kerja yang disediakan dalam Mesyuarat Exco, di samping perbincangan mengenai penubuhan jawatankuasa di peringkat Kerajaan Negeri dan Jajahan. APPGM-SDG diwakili oleh Dr. Siti Nur Ain, Paniirselvam, LC Rantau Panjang, Iman dan LC Tanah Merah, Syafiqah, sebagai sebahagian daripada inisiatif Intervensi Dasar, usahasama APPGM-SDG, Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam mengarus perdanakan pembangunan mampan.

A courtesy visit with the Kelantan State Economic Development Unit (UPEN) was held at the Raflesia Room, Darul Naim Administrative Complex, chaired by Mr. Mohd Hafiz, Senior Assistant Director (Regional), together with UPEN representatives Ms. Mimi Fariza, Mr. Tengku Ahmad Zarir and Mr. Mohamad Ashraf. UPEN expressed its full support for the policy intervention initiative and will table the prepared working paper at the State Executive Council meeting, alongside discussions on the establishment of committees at the state and district levels. APPGM-SDG was represented by Dr. Siti Nur Ain, Paniirselvam, Rantau Panjang LC Iman, and Tanah Merah LC Syafiqah, as part of a policy solutions joint initiative with Yayasan Hasanah and the Ministry of Finance Malaysia to mainstream sustainable development.

4.12.2025

Daerah Tumpat - Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) *Sungai Pinang District - Community Rehabilitation Centre Study*

30



Kajian tentang Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Fasa 2 telah dijalankan di PDK Klinik Kesihatan Sungai Pinang yang telah berlangsung selama lebih satu jam. Maklum balas serta kerjasama yang amat baik diterima daripada pihak penyelia PDK dan para petugas yang terlibat.

The Phase 2 study on Community Rehabilitation Centres (PDK) was carried out at the PDK Klinik Kesihatan Sungai Pinang in Tumpat and lasted for over an hour, with excellent feedback and cooperation received from the PDK supervisor and the staff involved.

4.12.2025

Daerah Kuala Nerus - Bengkel Pembangunan Kapasiti Agensi Daerah

Kuala Nerus District - Capacity Building Workshop for District Agencies

31



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri II: Agensi Daerah bagi Parlimen Kuala Nerus telah diadakan di Raia Hotel & Convention Centre Terengganu dengan penyertaan 31 wakil agensi daerah, merangkumi dua modul utama iaitu Penilaian Risiko dan Impak serta Peranan Agensi Daerah dan Pelan Tindakan, dengan ucapan alu-aluan oleh En. Tengku Mohd Hafiz Tengku Heng dan bengkel ini dikendalikan oleh Penyelaras Tempatan Kuala Nerus, iaitu Atikah Nor dan juga turut dibantu oleh seorang jurulatih, iaitu Penyelaras Tempatan, Masniza Eliyana Idayu dari Hulu Terengganu serta 2 orang fasilitator iaitu Pn. Nur Shuhada dan Pn. Siti Zaharah.

The Policy Intervention Capacity Building Workshop Series II: District Agencies for the Kuala Nerus Parliament was held at Raia Hotel & Convention Centre Terengganu with the participation of 31 representatives from various district agencies. The workshop covered two main modules—Risk and Impact Assessment, and the Role of District Agencies and Action Planning—and featured welcoming remarks by Mr. Tengku Mohd Hafiz Tengku Heng. It was facilitated by the Kuala Nerus Local Coordinator, Atikah Nor, supported by trainer and Local Coordinator from Hulu Terengganu, Masniza Eliyana Idayu, along with two facilitators, Nur Shuhada and Siti Zaharah.

7.12.2025

Parlimen Jeli - Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar

Jeli Parliament - Committee Meeting of the SDG District Policy Intervention

32



Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Parlimen Jeli kali pertama telah berjaya diadakan dengan penyertaan 28 wakil agensi kerajaan dan pihak berkepentingan, dipengerusikan oleh Tn. Wan Fahadzil Wan Jaafar, Ketua Jajahan Jeli. Mesyuarat memberi tumpuan kepada pembentangan gerak kerja APPGM-SDG, pengesahan isu berdasarkan pemetaan terdahulu, maklum balas agensi serta pembentangan isu oleh Penyelaras Tempatan, yang turut menyerahkan Laporan Awal Inisiatif Intervensi Dasar kepada Ketua Jajahan.

The First Committee Meeting of the SDG District Policy Intervention for Jeli Parliament was successfully held with the participation of 28 representatives from government agencies and key stakeholders, chaired by Mr. Wan Fahadzil Wan Jaafar, District Officer of Jeli. The meeting focused on the presentation of APPGM-SDG work progress, validation of issues based on previous mapping exercises, agency feedback, and issue presentations by the Local Coordinator, who also submitted the Preliminary Policy Intervention Initiative Report to the District Officer.

8.12.2025

Daerah Bera - Bengkel Pembangunan Kapasiti Agensi Daerah

Bera District - Capacity Building Workshop for District Agencies

33



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri II: Agensi Daerah bagi Parlimen Bera telah berlangsung di Apsara Hotel, Temerloh, melibatkan dua modul utama—Penilaian Risiko dan Impak serta Peranan Agensi Daerah dan Pelan Tindakan. Seramai 22 peserta terdiri daripada ketua jabatan, wakil agensi dan penghulu mukim memberikan komitmen penuh, berkongsi pandangan serta cadangan berkaitan isu daerah yang dibawa daripada siri pertama melibatkan pemimpin tempatan. Program ini berjaya mengukuhkan kefahaman peranan agensi dalam pelaksanaan intervensi dasar di peringkat daerah.

The Policy Intervention Capacity Building Workshop Series II: District Agencies for the Bera Parliament was held at Apsara Hotel, Temerloh, featuring two main modules—Risk and Impact Assessment, and the Role of District Agencies and Action Planning. A total of 22 participants, comprising department heads, agency representatives, and mukim chiefs, demonstrated strong commitment and actively shared insights and proposals on district issues identified during the first series with local leaders. The programme successfully strengthened participants' understanding of agency roles in implementing policy interventions at the district level.

9.12.2025

Daerah Bentong - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Bentong District - Capacity Building Workshop for Local Leaders

34



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri I: Pemimpin Tempatan bagi Parlimen Bentong telah diadakan di Dewan Anggerik, eRYAbySURIA Hot Spring Bentong, melibatkan seramai 15 peserta termasuk Ketua Kampung, Setiausaha, JKKP, Pengerusi dan Tok Batin Orang Asli, serta Penyelia dan Petugas PPDK. Bengkel ini merangkumi tiga modul utama, iaitu pengenalan mengenai SDG dan isu-isu tematik, perancangan fizikal daerah dan kesannya kepada sosio ekonomi dan budaya, serta pengenalan kerja sosial dan pengurusan komuniti. Walaupun terdapat pertembungan jadual dengan Seminar Agropreneur RISDA yang menjejaskan kehadiran Penghulu dan JKKP, program ini berjalan dengan lancar dengan penglibatan aktif peserta dan bantuan daripada tiga orang fasilitator.

The Policy Intervention Capacity Building Workshop Series I: Local Leaders for the Bentong Parliamentary Constituency was held at Dewan Anggerik, eRYAbySURIA Hot Spring Bentong, involving 15 participants including Village Chiefs (Ketua Kampung), Secretaries, JKKP, Chairmen and Orang Asli Headmen (Tok Batin), as well as Supervisors and Community Rehabilitation Centre (PPDK) staff. The workshop covered three main modules: introduction to SDGs and thematic issues, district physical planning and its impact on socio-economics and culture, and introduction to social work and community management. Although there was a clash of schedules with the RISDA Agropreneur Seminar which affected the attendance of Village Chiefs and JKKP members, the programme proceeded smoothly with active participant engagement and the assistance of three facilitators.

10-11.12.2025

Daerah Kota Bahru & Daerah Pasir Mas - Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Kota Bahru & Pasir Mas District - Community Rehabilitation Centre Study

35



Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Fasa 2 di Parlimen Ketereh telah dilaksanakan pada hari dan waktu yang berbeza mengikut kesesuaian serta jadual lapang Penyelia PDK, dengan maklum balas dan kerjasama yang amat baik diterima daripada penyelia dan petugas yang terlibat, melibatkan PDK Kadok dan PDK Peringat pada 10 Disember 2025, serta PDK Kem Desa Pahlawan dan PDK Kok Lanis pada 11 Disember 2025.

The Phase 2 Community Rehabilitation Centre (PDK) Study in Ketereh Parliament was conducted on different days and times according to the availability and schedules of the PDK Supervisors, with very positive feedback and strong cooperation received from the supervisors and staff involved, covering PDK Kadok and PDK Peringat on 10 December 2025, as well as PDK Kem Desa Pahlawan and PDK Kok Lanis on 11 December 2025.

11.12.2025

Daerah Bentong - Kunjungan Hormat bersama Penolong Pegawai Daerah (ADO)

Bentong District - Courtesy Visit with Assistant District Officer (ADO)

36



Kunjungan hormat bersama En. Mohd Aizat Syahmi Mohd Ali (ADO Bentong) telah diadakan dan beliau bersetuju untuk mengadakan pramesyuarat (*pre-council*) dengan LC pada 23 Disember 2025 untuk merancang pemetaan isu Kumpulan Fokus (FGD) sebagai persediaan Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Daerah Bentong yang dijadualkan pada Januari 2026. Selain itu, ADO turut mencadangkan agar LC melaksanakan Bengkel Pembangunan Kapasiti Siri 2 bersama agensi-agensi selepas Mesyuarat Jawatankuasa SDG pertama.

A courtesy visit was held with Mr. Mohd Aizat Syahmi Mohd Ali (Bentong ADO) and he agreed to hold a pre-council meeting with the LCs on 23 December 2025, to plan the Focus Group Discussion (FGD) issue mapping in preparation for the Bentong District Committee Meeting of the SDG District Policy Intervention scheduled for January 2026. Additionally, the ADO also suggested that the LC conduct Capacity Building Workshop Series 2 with agencies after the first SDG Committee Meeting.

11.12.2025

Daerah Kuala Nerus - Kunjungan Hormat bersama CADO dan ADO

Kuala Nerus District - Courtesy Visit with CADO and ADO

37



Kunjungan hormat bersama En. Abd Razak Abd Rahman (CADO Kuala Nerus) dan YM Tengku Mohd Hafiz Tengku Heng (ADO Kuala Nerus) telah diadakan dan En. Abd Razak memaklumkan bahawa Raja Muda Terengganu akan mula terlibat sebagai penasihat kepada Pejabat Daerah Kuala Nerus bermula Februari 2026, dan ini mungkin melibatkan Raja Muda dalam Mesyuarat Jawatankuasa SDG daerah yang akan datang.

A courtesy visit was held with Mr. Abd Razak Abd Rahman (Kuala Nerus CADO) and YM Tengku Mohd Hafiz Tengku Heng (Kuala Nerus ADO), and Mr. Abd Razak informed that the Crown Prince of Terengganu (Raja Muda Terengganu) will begin his involvement as an advisor to the Kuala Nerus District Office starting February 2026, and this might involve the Crown Prince in the upcoming District SDG Committee Meeting.

12-13.12.2025

Parlimen Tumpat - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK)

Tumpat Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK)

38



Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) bagi Kampung Jambu melalui Bengkel Kepimpinan AJK Siam Kampung Jambu Tumpat, Kelantan telah berjaya dilaksanakan di Baroh Inn Homestay & Chalet dengan kehadiran seramai 20 orang peserta. Program ini memfokuskan kepada pemerksaan kepimpinan melalui aktiviti perbincangan kumpulan yang merangkumi strategi kepimpinan komuniti, pengenalpastian isu-isu setempat, serta pembinaan jaringan kerjasama antara pemimpin di peringkat kampung. Selain sesi pembentangan formal, bengkel ini turut diselitkan dengan aktiviti santai seperti barbeku dan jamuan makan malam bagi mengeratkan silaturahim.

The Neighbourhood and Leadership Programme (PKK) for Kampung Jambu, conducted through the Siamese Committee Leadership Workshop in Kampung Jambu Tumpat, Kelantan, was successfully held at Baroh Inn Homestay & Chalet with 20 participants. This programme focused on leadership empowerment through group discussions covering community leadership strategies, the identification of local issues, and the establishment of collaborative networks among village-level leaders. In addition to formal presentation sessions, the workshop included recreational activities such as a barbecue and dinner to strengthen community ties.

14.12.2025

Program “Seni Batik & Sentuhan Rezeki Sempena Hari Batik Malaysia”

“Art of Batik & Livelihood Touch in conjunction with Malaysia Batik Day” Programme

39



Program “Seni Batik & Sentuhan Rezeki Sempena Hari Batik Malaysia” anjuran Ruang Komuniti Zon Pantai Timur telah berlangsung di Kampung Kraftangan Kelantan dengan kerjasama Zecsman Design serta penglibatan murid Sekolah Maahad Al-Sabiri, Ayer Lanas Jeli, bertujuan memperkenalkan seni batik tempatan, memupuk apresiasi terhadap warisan budaya dan memberi pendedahan awal kepada keusahawanan kreatif melalui aktiviti praktikal penghasilan batik yang dikendalikan oleh tenaga pengajar berpengalaman, sekali gus mewujudkan pengalaman pembelajaran yang interaktif dan bermakna.

The “Art of Batik & Livelihood Touch in conjunction with Malaysia Batik Day” programme organised by the East Zone Community Space was held at Kampung Kraftangan Kelantan in collaboration with Zecsman Design and with the participation of students from Sekolah Maahad Al-Sabiri, Ayer Lanas Jeli, aiming to introduce local batik art, foster appreciation for cultural heritage, and provide early exposure to creative entrepreneurship through hands-on batik-making activities facilitated by experienced instructors, thereby creating an interactive and meaningful learning experience.

15.12.2025

Parlimen Pasir Puteh - Projek Ternakan Ayam Organik Komuniti OKU

Pasir Puteh Parliament - Organic Chicken Farming Project for the PwD Community

40



Majlis Penutup Projek Ternakan Ayam Organik Komuniti OKU Pasir Puteh hasil kerjasama APPGM-SDG dan Persatuan Insan Istimewa Kelantan (INSANI) telah berjaya disempurnakan oleh YB Dato’ Dr Nik Zawawi Salleh di tapak projek Kampung Kok Jering, Pasir Puteh, melibatkan 10 peserta OKU pelbagai, dengan projek kini memasuki pusingan kedua kemasukan benih ayam serta mencatat jualan awal berjumlah RM500, sekali gus memberi motivasi kepada peserta, di samping penghargaan terhadap usaha APPGM-SDG dalam memperkasa komuniti akar umbi, dengan kehadiran Ketua Zon Pantai Timur, Dr Siti Nur Ain dan Pegawai Ruang Komuniti MySDG Pantai Timur, Syza Bazilah.


The Closing Ceremony of the Organic Chicken Farming Project for the PwD Community in Pasir Puteh, a collaboration between APPGM-SDG and the Persatuan Insan Istimewa Kelantan (INSANI), was successfully officiated by YB Dato’ Dr Nik Zawawi Salleh at the project site in Kampung Kok Jering, Pasir Puteh. The project involved 10 participants from diverse PwD backgrounds and has entered its second cycle of chick placement, recording initial sales of RM500, which has motivated participants to remain committed to the initiative. The ceremony also acknowledged APPGM-SDG’s efforts in empowering grassroots communities and was attended by the East Coast Zone Head, Dr Siti Nur Ain, and the Ruang Komuniti MySDG for the East Coast Zone Officer, Syza Bazilah.

15.12.2025

Mesyuarat Pemantauan Bulanan Disember

December Monthly Monitoring Meeting

41



Mesyuarat Pemantauan Bulanan Disember bagi LC Pantai Timur telah dihadiri oleh sembilan LC yang berkongsi perkembangan terkini, dengan dapatan menunjukkan semua LC berjaya melaksanakan Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri I: Pemimpin Tempatan serta sedang aktif menjalankan kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), di samping mengenal pasti amalan terbaik seperti projek saringan sisa kumbahan houseboat di Tasik Kenyir dan inisiatif PDK Kok Lanas yang memberi pendedahan pertanian kepada golongan OKU bagi memperkasa kemahiran dan keupayaan berdikari.


The December Monthly Monitoring Meeting for the East Coast LC was attended by nine LCs who shared their latest updates, with findings showing that all LCs successfully implemented Policy Intervention Capacity Building Workshop Series I: Local Leaders and are currently actively conducting the Community Rehabilitation Centre (PDK) Study. The session also identified best practices, including a houseboat wastewater filtration project at Tasik Kenyir and the PDK Kok Lanas initiative that provides agricultural exposure to persons with disabilities (PwD) to strengthen skills and independent living capabilities.

16.12.2025

Mesyuarat Intervensi Khas antara Negeri

Special Inter-State Intervention Meeting

42



Mesyuarat Intervensi Khas antara Negeri telah diadakan bagi membincangkan isu pencemaran Sungai Bera, dengan fokus kepada pengenalpastian kawasan dan komuniti terjejas, penyelarasan agensi serta pihak berkepentingan, dan cadangan tindakan susulan, termasuk keperluan mengadakan mesyuarat antara agensi di peringkat daerah dan negeri yang melibatkan dua negeri, dengan kehadiran Paniirselvam, Dr. Siti Nur Ain, Dr. Wan Asiah Nurjannah, Zurratul Aina dan Serisyakira, LC Jelebu.

A Special Inter-State Intervention Meeting was held to discuss the issue of pollution in the Bera River, focusing on the identification of affected areas and communities, coordination among agencies and stakeholders, and proposed follow-up actions, including the need to convene inter-agency meetings at the district and state levels involving two states, with the participation of Paniirselvam, Dr. Siti Nur Ain, Dr. Wan Asiah Nurjannah, Zurratul Aina, and Serisyakira, Jelebu LC.

16.12.2025

Parlimen Kota Bharu - Projek Komuniti Cipta Peluang Niaga Berasaskan Produk Sejuk Beku

Kota Bharu Parliament - Community Creating Business Opportunities Based on Frozen Food Products Project

43



Majlis Penutup Projek Komuniti Cipta Peluang Niaga Berasaskan Produk Sejuk Beku anjuran Yayasan KB Care di Parlimen Kota Bharu telah berlangsung di Che Wok Hotel, Kota Bharu, melibatkan 10 peserta daripada golongan kurang berkemampuan, dengan pelaksanaan fasa awal pada Ogos dan September melalui latihan pengendalian makanan, penghasilan produk sejuk beku serta asas pemasaran digital, yang berjaya meningkatkan kemahiran dan keyakinan keusahawanan peserta, serta dirasmikan oleh YB Datuk Seri Haji Takiyuddin Hassan, Ahli Parlimen Kota Bharu, dengan kehadiran ADUN Bunut Payong YB Shaari Mat Yaman.

The Closing Ceremony of the Community Creating Business Opportunities Based on Frozen Food Products Project organised by Yayasan KB Care in the Kota Bharu Parliament was held at Che Wok Hotel, Kota Bharu, involving 10 participants from underprivileged backgrounds, with the initial phase implemented in August and September through training on food handling, frozen food production, and basic digital marketing, which successfully enhanced participants' technical skills and entrepreneurial confidence, and was officiated by YB Datuk Seri Haji Takiyuddin Hassan, MP for Kota Bharu, with the presence of Bunut Payong State Assemblyman YB Shaari Mat Yaman.

16-17.12.2025

Daerah Bentong - Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Bentong District - Community Rehabilitation Centre Study

44



Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Fasa 2 di Parlimen Bentong telah dilaksanakan dengan maklum balas serta kerjasama yang amat baik diterima daripada penyelia dan petugas, melibatkan PDK Harapan Kampung Perting dan PDK Ceria Bentong pada 16 Disember 2025, serta PDK Nur Kasih Lurah Bilut dan PDK Cahaya Kasih Mempaga pada 17 Disember 2025, dan keseluruhan sesi soal selidik telah berjaya diselesaikan dengan harapan agar dapatan kajian ini dapat membawa perubahan positif pada masa hadapan.

The Phase 2 Community Rehabilitation Centre Study in the Bentong Parliament was conducted with positive feedback and strong cooperation received from supervisors and staff, involving PDK Harapan Kampung Perting and PDK Ceria Bentong on 16 December 2025, as well as PDK Nur Kasih Lurah Bilut and PDK Cahaya Kasih Mempaga on 17 December 2025, and the questionnaire sessions were successfully completed with the hope that the study findings will lead to positive improvements in the future.

16, 18.12.2025

Daerah Kota Bharu - Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Kota Bharu District - Community Rehabilitation Centre Study

45



Kajian PDK Fasa 2 di Parlimen Kubang Kerian dan Pengkalan Chepa telah dilaksanakan dengan setiap sesi mengambil masa sekitar satu jam. Sepanjang pelaksanaan kajian, pihak penyelia dan petugas PDK telah memberikan maklum balas serta kerjasama yang sangat baik. Kajian ini melibatkan tiga PDK iaitu PDK KK HUSM, PDK KK Al Madani, dan PDK Al Kauthar. Secara keseluruhan, pihak terlibat menyatakan harapan agar perubahan dan penambahbaikan dapat dilaksanakan dalam masa terdekat.

Phase 2 of the Community Rehabilitation Centre Study in the Kubang Kerian and Pengkalan Chepa Parliament was conducted, with each session taking approximately one hour. Throughout the implementation of the study, the PDK supervisors and staff provided good feedback and cooperation. The study involved three PDKs, namely PDK KK HUSM, PDK KK Al Madani, and PDK Al Kauthar. Overall, the parties involved expressed their hope that improvements and positive changes can be implemented in the near future.

17-18.12.2025

Daerah Machang & Kuala Krai - Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Machang & Kuala Krai District - Community Rehabilitation Centre Study

46



Kajian PDK Fasa 2 di kawasan Parlimen Machang dan Kuala Krai telah berjaya dilaksanakan pada melibatkan tujuh buah PDK. Sesi yang mengambil masa sekitar satu jam bagi setiap lokasi ini merangkumi PDK Kristal, Nur Qaseh, Insani, Pulai Chondong, Permata Hati, Temangan, dan Guchil. Melalui siri kajian ini, para petugas menzahirkan harapan agar kerajaan memberikan perhatian serius terhadap kebajikan pelatih dan kakitangan bagi membawa perubahan positif dalam masa terdekat. Setakat ini, semua kajian di Parlimen Machang telah selesai sepenuhnya, manakala baki satu lagi lokasi di Kuala Krai, iaitu PDK Dabong, akan dilaksanakan serentak dengan kajian di Parlimen Gua Musang atas faktor kedudukan geografi yang berhampiran.

The Phase 2 Community Rehabilitation Centre Study for the Machang and Kuala Krai Parliament was successfully conducted, covering seven PDK centres: Kristal, Nur Qaseh, Insani, Pulai Chondong, Permata Hati, Temangan, and Guchil. Each session lasted approximately one hour, during which staff members expressed their hopes for the government to take the welfare of trainees and personnel seriously to bring about significant positive changes in the near future. While all studies in the Machang Parliament have been completed, one remaining location in Kuala Krai, PDK Dabong, will be carried out concurrently with the Gua Musang Parliament study due to its close geographical proximity.

18.12.2025

Parlimen Kuala Krai - Projek Bengkel Matematik Tambahan SPM

Kuala Krai Parliament - SPM Additional Mathematics Workshop Project

47



Majlis Penyampaian Sijil Bengkel Matematik Tambahan SPM 2025 APPGM-SDG telah diadakan di Restoran Damar, Kuala Krai sebagai pengiktirafan kepada 22 pelajar Tingkatan 5 yang menamatkan bengkel sehingga Oktober 2025 bagi persediaan menghadapi SPM. Bengkel ini dianjurkan oleh Rakan Solusi bersama Kelab Pembelajaran Komuniti (CLC) Kuala Krai dan dikendalikan oleh guru pakar Matematik Tambahan. Majlis turut dihadiri pemimpin pendidikan dan komuniti setempat serta wakil APPGM-SDG bagi Ketua Zon Pantai Timur.

The Certificate Presentation Ceremony for the APPGM-SDG 2025 SPM Additional Mathematics Workshop was held at Restoran Damar, Kuala Krai in recognition of 22 Form 5 students who successfully completed the workshop in October 2025 as part of their preparation for the SPM examination. The workshop was organised by a Solution Provider in collaboration with the Kuala Krai Community Learning Club (CLC) and facilitated by experienced Additional Mathematics teachers. The ceremony was attended by local education and community leaders, as well as a representative of APPGM-SDG on behalf of the Head of the East Coast Zone.

23.12.2025

Parlimen Pasir Puteh - Projek Penternakan Ikan Sangkar

Pasir Puteh Parliament - Cage Fish Farming Project

48



Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Projek Solusi Penternakan Ikan Sangkar anjuran Kelab Cakna Gaal telah berlangsung di Dewan Sri Gaal, melibatkan 10 peserta daripada golongan kurang berkemampuan di Kampung Temila dengan ternakan ikan patin dan tilapia serta latihan asas penjagaan ternakan. Majlis telah dirasmikan oleh ADUN Gaal, YB Ustaz Mohd Rodzi Jaafar bersama Dr. Siti Nur Ain, Ketua Zon Pantai Timur, dan turut dihadiri pemimpin komuniti serta wakil Ruang Komuniti MySDG Zon Pantai Timur dan Penyelaras Tempatan.


The Closing Ceremony and Certificate Presentation for the Cage Fish Farming Solution Project organised by Kelab Cakna Gaal was held at Dewan Sri Gaal, involving 10 participants from underprivileged communities in Kampung Temila engaged in the farming of silver catfish (patin) and tilapia, alongside basic training in aquaculture management. The ceremony was officiated by the Gaal State Assemblyman, YB Ustaz Mohd Rodzi Jaafar, together with Dr Siti Nur Ain, Head of the East Coast Zone, and was attended by community leaders as well as representatives from the Ruang Komuniti MySDG East Coast Zone and Local Coordinators.

22.12.2025

Daerah Kemaman - Mesyuarat Perancangan dan Susunan Gerak Kerja Tahun 2026

Kemaman District - Planning and Work Arrangements for 2026 Meeting

49



Satu mesyuarat dalaman telah diadakan bersama semua Penyelaras Tempatan Zon Pantai Timur bagi membincangkan perancangan dan susunan gerak kerja tahun 2026, di samping perkongsian pandangan, impak positif serta pembelajaran sepanjang pelaksanaan peranan sebagai LC bagi tahun 2025, termasuk maklum balas berkaitan tugas semasa seperti penulisan laporan dan kajian PDK di negeri masing-masing, dengan kehadiran 9 daripada 10 LC melibatkan Bera, Bentong, Kemaman, Hulu Terengganu, Kuala Nerus, Jeli, Rantau Panjang, Tanah Merah dan Tumpat.

An internal meeting was held with all Local Coordinators from the East Coast Zone to discuss the planning and work arrangements for 2026, alongside the sharing of perspectives, positive impacts, and lessons learned from their roles as LCs in 2025. The meeting also gathered feedback on ongoing tasks such as report writing and PDK studies in their respective states, with 9 out of 10 LCs in attendance representing Bera, Bentong, Kemaman, Hulu Terengganu, Kuala Nerus, Jeli, Rantau Panjang, Tanah Merah, and Tumpat.

23.12.2025

Daerah Kemaman - Pra-Mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa SDG

Kemaman District - SDG Committee Meeting Pre-council

50



Satu sesi pra-mesyuarat (*pre-council*) telah diadakan antara Penyelaras Tempatan Daerah Kemaman, Adawiyah, dan Penolong Pegawai Daerah Kemaman, Pn. Hanum Isa @ Ghazali, bagi membincangkan pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa SDG Siri II Daerah Kemaman, meliputi penetapan tarikh mesyuarat, pembentangan minit Mesyuarat JK SDG Siri I serta perbincangan agenda Mesyuarat JK SDG Siri II.

A pre-council session was held between the Kemaman District Local Coordinator, Adawiyah, and the Assistant District Officer of Kemaman, Ms. Hanum Isa @ Ghazali, to discuss the implementation of the Kemaman District SDG Committee Meeting Series II, including the confirmation of the meeting date, the presentation of minutes from the SDG Committee Meeting Series I, and the discussion of the agenda for the SDG Committee Meeting Series II.

24.12.2025

Parlimen Kota Bharu - Projek Program Gerak Cinta Alam Sekitar, Bersih Sungai dan Bina Taman Mini Riadah

Kota Bharu Parliament - Program Gerak Cinta Alam Sekitar, Bersih Sungai dan Bina Taman Mini Riadah Project

51



Majlis Penutup Program Gerak Cinta Alam Sekitar, Bersih Sungai dan Bina Taman Mini Riadah di Sungai Keladi, Tanjung Chat, Parlimen Kota Bharu telah berjaya dilaksanakan sebagai salah satu projek solusi Kelab Kebajikan Kota Bharu yang bertemakan kelestarian alam sekitar, melibatkan 50 belia yang dilatih sebagai sukarelawan melalui aktiviti bagi menghidupkan semula kawasan berhampiran Jambatan Sungai Tanjung Chat yang sebelum ini terbiar, dan majlis telah dirasmikan oleh YB Dato' Rohani Ibrahim, ADUN Tanjong Mas merangkap Exco Unit Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KEKWA), dengan kehadiran YB Shaari Mat Yaman, ADUN Bunut Payong.

The Closing Ceremony of the Program Gerak Cinta Alam Sekitar, Bersih Sungai dan Bina Taman Mini Riadah at Sungai Keladi, Tanjung Chat, in the Kota Bharu Parliament was successfully held as one of the sustainability-themed solution projects by Kelab Kebajikan Kota Bharu, involving 50 youths trained as volunteers through activities to revitalise the previously neglected area near the Tanjung Chat River Bridge, and the ceremony was officiated by YB Dato' Rohani Ibrahim, State Assembly Member for Tanjong Mas and Executive Councillor for the Welfare, Family and Women Development Unit (U-KEKWA), with the presence of YB Shaari Mat Yaman, ADUN for Bunut Payong.

23.12.2025

Taklimat berkaitan Pelaksanaan Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK)

Briefing on the Implementation of the Neighbourhood and Leadership Programme (PKK)

52



Paniirselvam dan Karuppiah telah menghadiri satu perjumpaan bersama Jawatankuasa Kejiranan Mentakab dan Pertubuhan Kejayaan Wanita India, Pahang bagi memberikan taklimat berkaitan pelaksanaan Program Kejiranan, dengan penyertaan seramai 10 orang ahli jawatankuasa yang diketuai oleh Pn. Khalaiselvi.

Paniirselvam and Karuppiah attended a meeting with the Mentakab Neighbourhood Committee and the Pertubuhan Kejayaan Wanita India, Pahang, to deliver a briefing on the implementation of the Neighbourhood and Leadership Programme, with the participation of 10 committee members led by Ms. Khalaiselvi.

ZON SELATAN | SOUTHERN ZONE

NEGERI SEMBILAN | MELAKA | JOHOR

8.12.2025

Parlimen Mersing - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan

Mersing Parliament - Capacity Building Workshop for Local Leaders

53



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan Parlimen Mersing telah diadakan di Dewan Pak Malau, Hotel Sri Malaysia Mersing dan berjaya menghimpunkan 24 orang pemimpin tempatan termasuk Ketua Kampung dan Ketua Masyarakat, dengan pengisian tiga modul utama merangkumi pengenalan APPGM-SDG dan isu tematik, perancangan fizikal daerah serta kesannya terhadap sosioekonomi dan budaya, serta asas kerja sosial dan pengurusan komuniti. Bengkel ini dilaksanakan secara teratur dengan sokongan fasilitator dan ditutup secara rasmi oleh Pegawai Daerah Mersing, Tn. Haji Jamil Hasni Abdullah, yang menzahirkan sokongan terhadap inisiatif APPGM-SDG di daerah tersebut.

The Policy Intervention Capacity Building Workshop Series 1: Local Leaders of the Mersing Parliamentary Constituency was held at Dewan Pak Malau, Hotel Sri Malaysia Mersing, successfully bringing together 24 local leaders, including Village Heads and Community Leaders. The workshop featured three core modules covering an introduction to APPGM-SDG and thematic issues, district physical planning and its socio-economic and cultural impacts, as well as fundamentals of social work and community management. The well-organised workshop was supported by facilitators and officially closed by the Mersing District Officer, Mr. Haji Jamil Hasni Abdullah, who expressed his appreciation and support for APPGM-SDG initiatives in the district.

14.12.2025

Parlimen Simpang Renggam - Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK)

Simpang Renggam Parliament - Neighbourhood and Leadership Programme (PKK)

54



Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) Mukim Ulu Benut bagi Tema 3: Keluarga telah dilaksanakan menerusi penganjuran Hari Keluarga dan Gaya Hidup Sihat bertempat di Penjara Simpang Renggam dan Homestay Montamah Paiman, dengan penglibatan seramai 153 orang peserta, serta dimeriahkan dengan ceramah dari YB Tuan Suhaizan Kaiat yang menekankan kepentingan bimbingan kepimpinan keluarga.

The Neighbourhood and Leadership Programme (PKK) for Mukim Ulu Benut under Theme 3: Family was implemented through the organisation of a Family Day and Healthy Lifestyle programme held at Simpang Renggam Prison and Homestay Montamah Paiman. The programme involved 153 participants and featured a motivational talk by YB Tuan Suhaizan Kaiat, who emphasised the importance of family leadership guidance.

18.12.2025

Parlimen Simpang Renggam - Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Simpang Renggam Parliament - Community Rehabilitation Centre Study

55



Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) telah dijalankan melibatkan beberapa PDK di kawasan parlimen Tangga Batu. Antaranya PDK Sri Kendong menjalankan penjualan pokok bromeliad serta hasil pertanian seperti cili kampung, cili akar dan cili hibrid, manakala PDK Permata Bonda menghasilkan Aiskrim Malaysia dan mengusahakan tanaman tomato ceri, cili, serai serta kacang botol, juga PDK yang terlibat ialah PDK LBJ.

A Community Rehabilitation Centre Study was conducted involving several PDKs within the Tangga Batu parliament. Among those highlighted, PDK Sri Kendong is involved in the sale of bromeliad plants and agricultural produce such as local bird's eye chilies (cili kampung), cili akar, and hybrid chilies; meanwhile, PDK Permata Bonda produces Aiskrim Malaysia and cultivates cherry tomatoes, chilies, lemongrass, and winged beans. Also included in the study was PDK LBJ.

18.12.2025

Parlimen Pontian - Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Pontian Parliament - Community Rehabilitation Centre Study

56



Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) telah dijalankan di PKPDK Sinar Bakti, yang ditubuhkan pada tahun 1993. Pada masa ini, PDK ini mempunyai seramai 49 orang pelatih, disokong oleh 8 orang petugas serta seorang penyelia yang baharu dilantik pada bulan Oktober. Penyelia terdahulu ialah Pn. Sarimah, manakala penyelia semasa ialah Pn. Rafidah.

A Community Rehabilitation Centre Study was conducted at PKPDK Sinar Bakti, which was established in 1993. Currently, this PDK serves 49 trainees, supported by 8 staff members and a supervisor who was newly appointed in October. The previous supervisor was Ms. Sarimah, while the current supervisor is Ms. Rafidah.



24,26.12.2025

Parlimen Port Dickson & Muar - Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
Port Dickson & Muar Parliament - Community Rehabilitation Centre Study

57



Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) telah dilaksanakan melibatkan tiga PDK iaitu PDK Lukut, Port Dickson (24 Disember 2025), PDK Parit Keroma, Muar dan PDK Nur Zaharah, Sungai Balang, Muar (26 Disember 2025), yang secara keseluruhan menunjukkan tahap komitmen, pengalaman dan pengurusan yang kukuh, dengan kekuatan utama terletak pada penyelia dan petugas berpengalaman yang berkhidmat atas dasar kasih dan tanggungjawab terhadap OKU, disokong oleh kemudahan fizikal yang kondusif serta inisiatif penjaan pendapatan seperti rumah inap, pembuatan produk makanan dan kraftangan, serta penglibatan aktif kepimpinan PDK, termasuk kejayaan memperoleh geran Sejahtera Madani bagi memperkasa kelestarian operasi dan peluang latihan bekerja sambil belajar kepada pelatih.

The Community Rehabilitation Centre Study was conducted involving three PDKs, namely PDK Lukut, Port Dickson (24 December 2025), PDK Parit Keroma, Muar, and PDK Nur Zaharah, Sungai Balang, Muar (26 December 2025), which collectively demonstrated a strong level of commitment, experience and management, with key strengths rooted in dedicated and experienced supervisors and staff serving persons with disabilities (PwD) out of care and responsibility, supported by conducive physical facilities and income-generating initiatives such as homestays, food production and handicrafts, as well as active leadership engagement, including the successful acquisition of the Sejahtera Madani grant to enhance operational sustainability and provide work-and-learn opportunities for trainees.





1-2.12.2025

Program Pembangunan Kapasiti: Bengkel Citizen-Generated Data (CGD)
Capacity Building Programme: Citizen-Generated Data (CGD) Workshop

58



Program Pembangunan Kapasiti: Bengkel Citizen-Generated Data (CGD) anjuran Jabatan Statistic Malaysia (DOSM) dan Malaysian CSO-SDG Alliance telah berlangsung selama dua hari di SOSDA, menghimpunkan wakil NGO dan agensi bagi memperkukuh kefahaman tentang peranan CGD dalam menyokong indikator SDG di peringkat nasional dan sub-nasional. Bengkel ini menampilkan perkongsian DOSM mengenai integrasi data ke dalam sistem statistik rasmi serta sesi praktikal berkaitan metadata dan penyesuaian indikator mengikut konteks tempatan, sekali gus menekankan kepentingan CGD dalam merapatkan jurang data granular dan memperkukuh kerjasama antara NGO dan DOSM.

The Capacity Building Programme: Citizen-Generated Data (CGD) Workshop, organised by Departments of Statistic Malaysia (DOSM) and the Malaysian CSO-SDG Alliance, was held over two days at SOSDA, bringing together NGO and agency representatives to strengthen understanding of the role of CGD in supporting SDG indicators at the national and sub-national levels. The workshop featured DOSM's sharing on integrating data into the official statistical system, alongside practical sessions on metadata and adapting indicators to local contexts, highlighting the importance of CGD in bridging granular data gaps and strengthening collaboration between NGOs and DOSM.



6.12.2025

Bahagian Sibü - Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar

Sibu Division - Policy Intervention SDG Committee Meeting

59



Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar Bil. 2 Bahagian Sibü (Parlimen Selangau) telah diadakan di Pejabat Residen Bahagian Sibü, dipengerusikan oleh Residen Bahagian Sibü, bersempena Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Bahagian (*Divisional Development Committee, DDC*) Bil. 4/2025. Mesyuarat ini membincangkan kemajuan projek pembangunan di bawah Bahagian Sibü yang berkait dengan isu-isu yang telah dikenal pasti dalam Pemetaan Isu Parlimen Selangau sejak 2021, serta menekankan peranan DDC sebagai platform strategik penyelarasan intervensi dasar berasaskan SDG. Penyelaras Tempatan telah membentangkan keperluan mendapatkan maklum balas rasmi agensi berkaitan, yang dicadangkan untuk dibincangkan secara lanjut dalam Mesyuarat DDC seterusnya pada tahun 2026 bagi memastikan tindakan susulan yang lebih berkesan.

The SDG Policy Intervention Committee Meeting No. 2 for Sibü Division (Selangau Parliament) was held at the Sibü Divisional Resident's Office and chaired by the Sibü Divisional Resident, in conjunction with the Divisional Development Committee (DDC) Meeting No. 4/2025. The meeting discussed the progress of development projects in Sibü Division linked to issues identified in the Selangau Parliamentary Issue Mapping since 2021, and highlighted the role of the DDC as a strategic platform for coordinating SDG-based policy interventions. The Local Coordinators also emphasised the need for formal feedback from relevant agencies, which is proposed to be further deliberated at the next DDC meeting in 2026 to ensure more effective follow-up actions.

10.12.2025

Daerah Pakan - Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Pakan District - Community Rehabilitation Centre Study

60




Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Fasa 2 telah dilaksanakan di PDK Pakan dengan kerjasama baik penyelia dan petugas, termasuk taklimat ringkas mengenai latar belakang operasi PDK yang beroperasi sejak 2010 dan berpindah ke premis sewaan baharu pada Julai 2025 akibat masalah banjir. Antara isu utama yang dibangkitkan ialah ketidakselarasan elaun penyelia dan petugas, keperluan jawatan tetap, kekurangan peruntukan program, keperluan fasiliti terapi khusus, latihan berkala, pengukuhan promosi media sosial serta keperluan keselamatan di PDK.

The Phase 2 Community Rehabilitation Centre Study was conducted at PDK Pakan with the strong cooperation of the supervisor and staff, including a brief overview of the centre's operational background, which began in 2010 and relocated to a new rented premises in July 2025 due to flooding issues. Key issues highlighted included misaligned allowances for supervisors and staff, the need for permanent positions, limited programme funding, the need for specialised therapy facilities, regular training, enhanced social media outreach, and improved security at the centre.

19.12.2025

Pameran Inisiatif Mendengar *The Listening Initiative Exhibition*

61



Raine Melissa, Dr. Eva Kristin, dan Corrin Alicia telah melawat Pameran Inisiatif Mendengar (*The Listening Initiative Exhibition*) di Muzium Budaya Borneo, yang mengetengahkan enam projek penyelidikan inovatif dan bukan tradisional hasil kerjasama penyelidik Universiti Teknologi Swinburne dengan komuniti Dayak tempatan. Pameran tersebut menggunakan teknologi canggih seperti realiti maya (VR) sinematik, penceritaan mudah alih, dan Realiti Terimbas (XR) untuk merapatkan jurang antara budaya dan teknologi. Secara khususnya, pameran itu turut memaparkan Projek Tenunan Pua Kumbu—sebuah Projek Pembangunan Berasaskan Komuniti (CBDP) dari Saratok—yang menawarkan pengalaman mendalam tentang warisan tempatan kepada pelawat melalui set kepala VR.

Raine Melissa, Dr. Eva Kristin, and Corrin Alicia visited "The Listening Initiative Exhibition" at the Borneo Cultures Museum, which highlighted six innovative, non-traditional research projects developed by Swinburne University of Technology researchers in collaboration with local Dayak communities. The exhibition utilized advanced technologies like cinematic virtual reality (VR), mobile storytelling, and Extended Reality (XR) to bridge the gap between culture and technology. Notably, the showcase included the Pua Kumbu Weaving Project—a Community-Based Development Project (CBDP) from Saratok—offering the visitors an immersive experience of local heritage through VR headsets.

19.12.2025

Daerah Julau - Bengkel Pembangunan Kapasiti Agensi Daerah *Julau District - Capacity Building Workshop for District Agencies*

62



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 2: Agensi Daerah Julau telah berjaya dilaksanakan di Oriental Evermore Hotel, Sarikei, dengan penyertaan 20 pegawai kerajaan persekutuan dan negeri serta penglibatan aktif sepanjang pelaksanaan modul dan perbincangan bengkel. Bengkel ini menghasilkan input berkaitan isu setempat serta perangkaan pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang bagi pembangunan daerah, dan majlis penutupan telah disempurnakan oleh En. Azryn Naim Zulkefli yang merakamkan penghargaan kepada APPGM-SDG, Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan Malaysia atas penganjuran bengkel yang berimpak tinggi.

The Capacity Building Workshop on Policy Intervention Series 2: District Agencies for Julau District was successfully conducted at the Oriental Evermore Hotel, Sarikei, with the participation of 20 federal and state government officers and active engagement throughout the workshop modules and discussions. The workshop generated inputs on local issues and formulated short-, medium-, and long-term action plans for district development, and the closing ceremony was officiated by Mr. Azryn Naim Zulkefli, who expressed appreciation to APPGM-SDG, Yayasan Hasanah, and the Ministry of Finance Malaysia for organising the high-impact workshop.



23.12.2025

Parlimen Mas Gading - Projek Penanaman Halia
Mas Gading Parliament - The Ginger Farming Project

63



Pasukan Sarawak telah menghadiri majlis penutupan serta jamuan makan malam pra-Krismas bagi Projek Penanaman Halia di Kampung Tanjong Poting, yang menandakan tamatnya fasa pelaksanaan aktif projek dan peralihan ke fasa pemantauan, di mana perkembangan projek telah dikongsi oleh jurulatih projek, Pn. Bebrin Baem, manakala kemajuan serta cabaran yang dihadapi terutamanya akibat musim hujan telah dikongsikan oleh En. Tonison Matan, Rakan Solusi (SP) merangkap Ketua Kampung.

The Sarawak team attended the closing ceremony and pre-Christmas dinner for the Ginger Farming Project in Kampung Tanjong Poting, marking the end of its active phase and transition into the monitoring stage, during which updates were shared by project trainer Ms. Bebrin Baem and progress as well as challenges, particularly those arising from the rainy season were highlighted by Mr. Tonison Matan, Solution Provider (SP) cum village head.



WILAYAH SABAH | SABAH REGION

SABAH | WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

4.12.2025

Daerah Beaufort - Bengkel Pembangunan Kapasiti Pemimpin Tempatan Beaufort District - Capacity Building Workshop for Local Leaders

64



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan Daerah Beaufort telah berlangsung di The Gem Hotel, Sabah dengan penyertaan 30 pemimpin komuniti, NGO, wanita, belia, sukarelawan dan pelajar sekolah menengah. Mengikut modul yang ditetapkan, bengkel ini berjaya mengenal pasti isu setempat serta merangka pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk kemakmuran Beaufort. Majlis penutup disempurnakan oleh Pegawai Daerah Beaufort, En. Mohd Nazri Ajun, yang turut menerima buku laporan APPGM-SDG.

The Policy Intervention Capacity Building Workshop Series 1: Local Leaders of Beaufort District was held at The Gem Hotel, Sabah, with the participation of 30 community leaders, NGOs, women leaders, youth, volunteers and secondary school student leaders. Guided by the designated modules, the workshop successfully identified local issues and developed short-, medium- and long-term action plans for the well-being of Beaufort. The closing ceremony was officiated by the Beaufort District Officer, Mr. Mohd Nazri Ajun, who also received the APPGM-SDG report books.

6.12.2025

Karnival Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) The Sustainable Development Goals (SDG) Carnival

65



Pasukan Sabah telah dijemput untuk membuka reruai sempena Karnival Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang berlangsung di Dewan Bengkoka, Pitas, anjuran SEDIA dengan kerjasama Pusat SDG Negara. Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib, Timbalan Menteri Ekonomi, dan turut dihadiri CEO SEDIA, YBhg. Datuk Seri Panglima Haji Hashim Paijan, serta Pengarah Pusat SDG Negara, En. Asfaazam Kasbani. Inisiatif SDG bersasar ini memberi tumpuan kepada penyampaian bantuan secara lebih tepat kepada kampung dan keluarga yang memerlukan.

Sabah team was invited to set up a booth at the Sustainable Development Goals (SDG) Carnival held at Dewan Bengkoka, Pitas, organised by SEDIA in collaboration with the National SDG Centre. The event was officiated by YB Dato' Hajjah Hanifah Hajar Taib, Deputy Minister of Economy, and attended by SEDIA CEO YBhg. Datuk Seri Panglima Haji Hashim Paijan and National SDG Centre Director Mr. Asfaazam Kasbani. This targeted SDG initiative focuses on delivering assistance more accurately to villages and families in need.

7.12.2025

Parlimen Labuan - Projek Memperkasakan Kemahiran Wanita Tani dan Ekonomi Industri Berasaskan Rumah

Labuan Parliament - Women Farmers Skills Empowerment and Home-Based Industry Economy Project

66



Majlis Penutupan Projek Memperkasakan Kemahiran Wanita Tani dan Ekonomi Industri Berasaskan Rumah telah diadakan di Jabatan Pertanian WP Labuan, yang diuruskan oleh Persatuan Wanita Tani Labuan (PWTL) diketuai oleh Rakan Solusi, Pn. Mimi. Majlis disempurnakan oleh YB Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman, Ahli Parlimen Labuan, dan turut dihadiri wakil Jabatan Pertanian Labuan, MOTAC Labuan serta FAMA. Program ini mempamerkan pelbagai produk hasil kemahiran peserta, termasuk minyak pati serai wangi, kraftangan anyaman daun pandan, sabun buatan tangan dan kraftangan daun getah, serta menerima sokongan dana RM10,000 daripada YB Dato' bagi memperkukuh usaha pemerkasaan komuniti di WP Labuan.

The Closing Ceremony of the Women Farmers Skills Empowerment and Home-Based Industry Economy Project was held at the Federal Territory of Labuan Department of Agriculture, a project managed by the Labuan Women Farmers Association (PWTL) led by Solution Provider Ms. Mimi. The ceremony was officiated by YB Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman, Member of Parliament for Labuan, and was also attended by representatives from the Labuan Department of Agriculture, MOTAC Labuan and FAMA. The programme showcased various products created by participants, including citronella essential oil, pandan leaf woven crafts, handmade soap and rubber leaf crafts, and received a RM10,000 funding contribution from YB Dato' to support the continued empowerment of the Labuan community.

8.12.2025

Parlimen Penampang - Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) Madsiang

Penampang Parliament - Madsiang Community Learning Centre (CLC)

67



Lawatan kerja ke Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) Madsiang di Moyog, Penampang, telah diadakan bagi meninjau perkembangan aktiviti di bawah seliaan Pn. Juddy, termasuk urusan pengagihan bantuan banjir kepada komuniti. Selain membincangkan cabaran dan perancangan masa depan bersama pihak pengurusan, lawatan ini bertujuan untuk memilih produk komuniti tempatan yang akan dipamerkan semasa Bengkel Pembangunan Kapasiti bersama Agensi Kerajaan Daerah Tenom.

A field visit to the Madsiang Community Learning Centre (CLC) in Moyog, Penampang, was conducted to monitor the progress of activities under the supervision of Ms. Juddy, including the distribution of flood relief to the community. In addition to discussing challenges and future plans with the management, the visit aimed to select local community products to be showcased during the Capacity Building Workshop with Tenom District Government Agencies.

9.12.2025

Parlimen Tenom - Lawatan Projek Pusat Pemprosesan Makanan Kampung Tilis

Tenom Parliament - Kampung Tilis Food Processing Centre Project Visit

68



Paniirselvam, Mc Jeanet, Mohd Ikram dan Nor Amirul telah mengadakan lawatan projek ke Pusat Pemprosesan Makanan Kampung Tilis, Tenom, Sabah, di bawah seliaan Rakan Solusi Cik Lanjuin, yang merangkumi taklimat ringkas mengenai pelaksanaan projek serta perkembangan inisiatif Program Kejiranan bagi memperkasa komuniti setempat, di samping perkongsian peluang sokongan daripada agensi kerajaan, NGO dan GLC, serta perbincangan cabaran utama termasuk pemasaran produk ke luar kawasan dan keperluan sokongan berterusan dari segi latihan serta pembangunan kapasiti bagi memastikan kelestarian projek.

Paniirselvam, Mc Jeanet, Mohd Ikram and Nor Amirul conducted a project visit to the Kampung Tilis Food Processing Centre in Tenom, Sabah, under the supervision of a Solution Provider (SP) Ms Lanjuin, which included a brief on project implementation and updates on the "Neighbourhood Programme" initiative to empower the local community, alongside the sharing of available support opportunities from government agencies, NGOs and government-linked companies (GLCs), as well as discussions on key challenges such as marketing community products beyond the area and the need for continuous training and capacity-building support to ensure project sustainability.

10.12.2025

Daerah Tenom - Bengkel Pembangunan Kapasiti Agensi Daerah

Tenom District - Capacity Building Workshop for District Agencies

69



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri II: Agensi Daerah untuk Daerah Tenom telah berjaya dilaksanakan di Hotel Perkasa Tenom dan dirasmikan oleh Pegawai Daerah Tenom, En. Alexander Liew, dengan penyertaan 28 orang ketua jabatan serta wakil agensi daerah, memfokuskan perbincangan isu infrastruktur berdasarkan Pemetaan Isu APPGM-SDG, perkongsian gerak kerja antara agensi termasuk JKR, JPS dan Majlis Daerah Tenom, pembentangan kekangan pelaksanaan di luar bidang kuasa, serta pengintegrasian dapatan daripada Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 1: Pemimpin Tempatan bagi memperkukuh penyelarasan tindakan.

The Policy Intervention Capacity Building Workshop Series II: District Agencies was successfully conducted at Hotel Perkasa Tenom and officiated by the Tenom District Officer, Mr Alexander Liew, with the participation of 28 department heads and representatives from district agencies, focusing on infrastructure-related issues based on the APPGM-SDG Issue Mapping, inter-agency work sharing including JKR, JPS and the Tenom District Council, the presentation of implementation constraints beyond respective jurisdictions, as well as the integration of findings from the CPolicy Intervention Capacity Building Workshop Series I: Local Leaders to strengthen action coordination.

11.12.2025

Parlimen Tenom - Lawatan Projek Penternakan Ayam Hibrid & Azolla

Parliament Tenom - Hybrid Chicken & Azolla Farming Project Visit

70



Paniirselvam, Mc Jeanet, Nor Amirul, dan Mohd Ikram telah mengadakan lawatan ke Projek Penternakan Ayam Hybrid & Azolla untuk meninjau perkembangan pembinaan kandang yang dilakukan sendiri oleh para peserta. Komitmen dan kemahiran para peserta jelas terlihat melalui pembinaan infrastruktur tersebut serta aplikasi ilmu yang diperoleh daripada kursus-kursus yang telah dihadiri. Berdasarkan perbincangan, kemasukan benih anak ayam dijangka akan bermula pada minggu ketiga Disember ini, sementara Rakan Solusi (SP) turut diingatkan untuk melengkapkan dokumentasi laporan dan resit berkaitan bagi tujuan pemantauan projek yang berkesan.

Paniirselvam, Mc Jeanet, Nor Amirul, and Mohd Ikram conducted a project visit to the Hybrid Chicken & Azolla Farming Project to monitor the progress of the coop construction, which is being handled directly by the participants. The participants' commitment and technical skills are evident in the development of the infrastructure and the application of knowledge gained from attended training courses. Based on discussions, the arrival of the chicks is expected in the third week of December, and the Solution Provider (SP) has been reminded to complete the necessary documentation and receipts for effective project monitoring.

11.12.2025

Parlimen Pensiangan - Lawatan Projek Tanaman Hidroponik

Pensiangan Parliament - Madsiang Community Learning Centre (CLC)

71



Lawatan projek ke Trusmadi Farm bagi Projek Pembangunan Ekonomi Melalui Tanaman Hidroponik telah diadakan. Ketua Projek, En. Amran Jining mendapati kesemua peserta kekal aktif dengan sebahagiannya berjaya menjana pendapatan sampingan antara RM300 hingga RM400 sebulan melalui pelanggan tetap. Tinjauan ke tapak rumah hijau menunjukkan projek masih beroperasi dengan baik, di mana para peserta menyatakan kepuasan kerana kaedah tanaman ini mudah diurus tanpa memerlukan tenaga fizikal yang tinggi. Selain manfaat ekonomi, inisiatif ini turut memberikan impak sosial yang positif dengan menyediakan aktiviti petang yang bermanfaat bagi meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti terlibat.

A field visit to Trusmadi Farm for the Economic Development Through Hydroponic Farming Project was conducted, led by the Project Leader, Mr. Amran Jining. It was found that all participants remain active, with some successfully generating a side income of between RM300 to RM400 per month through a regular customer base. Observations at the greenhouse sites showed that the projects are still operating well, with participants expressing satisfaction as the hydroponic method is easy to manage and does not require heavy physical labor. Beyond the economic benefits, this initiative has also delivered a positive social impact by providing meaningful afternoon activities that enhance the well-being of the involved community.

12.12.2025

Daerah Ranau - Bengkel Pembangunan Kapasiti Agensi Daerah

Ranau District - Capacity Building Workshop for District Agencies

72



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 2: Agensi Daerah bagi Daerah Ranau telah berlangsung di Hotel Perkasa, Kundasang dan menghimpunkan pegawai pelbagai agensi kerajaan bagi memperkukuh pelaksanaan dasar daerah secara lebih cekap dan inklusif. Dianjurkan dengan sokongan Pejabat Daerah Ranau dan Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Ranau, program ini menekankan pendekatan kerjasama pelbagai pihak dalam memacu agenda pembangunan mampan. Selain sesi perkongsian ilmu oleh wakil wilayah dan penyelarar tempatan, program ini turut memperkukuh sinergi antara agensi bagi merealisasikan Pelan Strategik Pembangunan Daerah Ranau 2035 melalui tujuh teras pembangunan utama demi kesejahteraan rakyat setempat.

The Policy Intervention Capacity Building Workshop Series 2: District Agencies for Ranau District was held at Hotel Perkasa, Kundasang, bringing together officers from various government agencies to strengthen the implementation of district policies in a more efficient and inclusive manner. Organised with the support of the Ranau District Office and the Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Ranau, the programme emphasised a multi-stakeholder approach to driving the sustainable development agenda. In addition to knowledge-sharing sessions by regional representatives and local coordinators, the programme strengthened inter-agency synergy to realise the Ranau District Strategic Development Plan 2035, guided by seven key development pillars for the wellbeing of the local community.

13.12.2025

Parlimen Beluran - Karnival SDG Bersasar Negeri Sabah 2025

Beluran Parliament - Sabah State Targeted SDG Carnival 2025

73



Pasukan Sabah telah dijemput membuka reruai pameran sempena Karnival SDG Bersasar Negeri Sabah 2025 Peringkat Daerah Telupid di Dewan Terbuka, Tamu Desa Pekan Telupid, yang telah dirasmikan oleh YB Datuk Dr. Jonnybone J. Kurum, Pembantu Menteri Kementerian Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan Sabah merangkap ADUN Telupid. Karnival ini menekankan pengukuhan kerjasama strategik pelbagai pihak bagi menjayakan agenda SDG serta berfungsi sebagai platform penyampaian perkhidmatan dan maklumat berimpak tinggi kepada rakyat.

Sabah Team was invited to set up an exhibition booth at the Sabah State Targeted SDG Carnival 2025 for the Telupid District, held at the Open Hall, Tamu Desa Pekan Telupid, which was officiated by YB Datuk Dr. Jonnybone J. Kurum, Assistant Minister of the Sabah Ministry of Industrial Development, Entrepreneurship and Transport and the State Assemblyman for Telupid. The carnival emphasised strengthening multi-stakeholder strategic collaboration to advance the SDG agenda and served as a platform for delivering high-impact services and information to the public.

14.12.2025

Daerah Kota Kinabalu - Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Kota Kinabalu District - Community Rehabilitation Centre Study

74



Kajian tentang Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Fasa 2 telah dijalankan di Pejabat PDK Kem Lok Kawi melibatkan temu bual yang menekankan cabaran utama termasuk peruntukan operasi yang terhad, kadar elaun penyelia dan petugas yang rendah, serta keperluan memperkukuh status jawatan melalui lantikan kontrak. Beliau turut menegaskan peranan penting PDK dalam memperkasa golongan OKU dan berharap sokongan serta pengiktirafan kerajaan dapat dipertingkatkan bagi memastikan kelestarian operasi PDK.

The Phase 2 Community Rehabilitation Centre Study was conducted at the PDK Kem Lok Kawi office through interviews that highlighted key challenges, including limited operational funding, low allowance rates for supervisors and staff, and the need to strengthen employment status through contract appointments. The findings also underscored the vital role of PDKs in empowering persons with disabilities (PWDs) and the importance of enhanced government support and recognition to ensure the sustainability of PDK operations.

15.12.2025

Parlimen Ranau - Projek Pelancongan Berasaskan Komuniti

Ranau Parliament - Community-Based Tourism Project

75



Mc Jeanet dan Nor Amirul telah menghadiri Majlis Penutupan Projek Pelancongan Berasaskan Komuniti di Dewan Serigai, Ranau, di bawah kendalian Rakan Solusi Norita, yang telah disempurnakan oleh Penolong Pegawai Pembangunan Daerah Ranau, Pn. Florencia Padasian, dengan kehadiran 30 orang peserta serta wakil utama sektor pelancongan daerah, di mana penerima manfaat daripada sembilan buah kampung telah berkongsi dan mendokumentasikan profil serta penceritaan produk pelancongan masing-masing sebagai usaha memperkukuh jaringan pelancongan komuniti, meningkatkan keberdayaan ekonomi setempat dan membuat persediaan awal bagi menyokong pembangunan berimpak tinggi di Daerah Ranau.

Mc Jeanet and Nor Amirul attended the Closing Ceremony of the Community-Based Tourism Project at Dewan Serigai, Ranau, under the coordination of Rakan Solusi Norita, which was officiated by the Assistant District Development Officer (ADO) of Ranau, Ms Florencia Padasian, with the participation of 30 participants and key representatives from the district tourism sector, where beneficiaries from nine villages shared and documented the profiles and narratives of their respective tourism products as part of efforts to strengthen community tourism networks, enhance local economic resilience, and prepare for high-impact development in the Ranau District.

17.12.2025

Daerah Keningau - Bengkel Pembangunan Kapasiti Agensi Kerajaan

Keningau District - Capacity Building Workshop for Government Agencies

76



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 2: Agensi Kerajaan bagi Daerah Keningau telah berjaya dilaksanakan dengan penyertaan 28 peserta daripada pelbagai agensi, menggunakan modul latihan berasaskan contoh dan amalan terbaik di peringkat negeri, yang memberi tumpuan kepada pengenalan SDG berasaskan isu sebenar, penilaian risiko dan impak melalui perkongsian amalan baik, perbincangan isu SDG yang dipilih oleh peserta, serta penerapan elemen kepimpinan bagi menggalakkan pengenalpastian isu secara proaktif dan pemahaman yang lebih mendalam.

The Policy Intervention Capacity Building Workshop Series 2: Government Agencies for the Keningau District was successfully conducted with the participation of 28 participants from various agencies, utilising a training module based on state-level examples and best practices, focusing on SDG introduction grounded in real-world issues, risk and impact assessment through the sharing of good practices, discussions on SDG issues selected by participants, and the integration of leadership elements to encourage proactive issue identification and deeper understanding.

18.12.2025

Daerah Kota Marudu - Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar

Kota Marudu District - Committee Meeting of the SDG District Policy Intervention

77



Mesyuarat Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar kali pertama untuk Parlimen Kota Marudu telah diadakan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Kota Marudu, melibatkan 25 wakil pelbagai agensi kerajaan, dipengerusikan oleh Tn. Suffian Majid, Penolong Pegawai Daerah (ADO) Pentadbiran Kota Marudu, serta diserikan dengan penyerahan Laporan Awal Inisiatif Intervensi Dasar oleh wakil APPGM-SDG Wilayah Sabah, Mc Jeanet dan para Penyelaras Tempatan dari Kota Marudu, Kota Belud, Kudat dan Beaufort.

The First Committee Meeting of the SDG District Policy Intervention for the Kota Marudu Parliament was held at the Operations Room, Kota Marudu District Office, involving 25 representatives from various government agencies. The meeting was chaired by Mr. Suffian Majid, Assistant District Officer (ADO Administration) of Kota Marudu, and marked by the presentation of the Preliminary Policy Intervention Initiative Report by the APPGM-SDG Sabah Region representative, Mc Jeanet, together with Local Coordinators from Kota Marudu, Kota Belud, Kudat, and Beaufort.

20.12.2025

Parlimen Keningau - Projek Pemeliharaan Hutan Kawasan Tadahan Air serta Pemerkasaan Pertanian Lestari

Keningau Parliament - Watershed Forest Conservation and Sustainable Agriculture Empowerment Project

78



Pasukan Sabah telah menghadiri Majlis Perasmian dan Pameran Akhir Projek Pemeliharaan Hutan Kawasan Tadahan Air serta Pemerkasaan Pertanian Lestari di Kampung Kuyungan yang dirasmikan oleh YB Datuk Jamawi Jafar, Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah, sempena penutupan projek Agribusiness: Social Lab di mana APPGM-SDG telah menyalurkan dana dalam tiga fasa yang membolehkan komuniti membangunkan 33 rumah hijau, melaksanakan projek agribisnis berasaskan produk hiliran serta menubuhkan inisiatif *Community-Based Tourism* (CoBETK) bagi memperkukuh pembangunan ekonomi komuniti dan pelancongan mampan.

The Sabah Team attended the Opening Ceremony and Final Exhibition of the Watershed Forest Conservation and Sustainable Agriculture Empowerment Project in Kampung Kuyungan, officiated by YB Datuk Jamawi Jafar, Sabah Minister of Agriculture, Fisheries and Food Industry, in conjunction with the closing of the Agribusiness: Social Lab project, through which APPGM-SDG channelled funding in three phases that enabled the community to develop 33 greenhouses, implement agribusiness projects focused on downstream products, and establish a Community-Based Tourism (CoBETK) initiative to strengthen community economic development and sustainable tourism.

22.12.2025

Daerah Beaufort - Bengkel Pembangunan Kapasiti Agensi Daerah

Beaufort District - Capacity Building Workshop for District Agencies

79



Bengkel Pembangunan Kapasiti Intervensi Dasar Siri 2: Agensi Kerajaan untuk Daerah Beaufort telah berjaya dilaksanakan dengan penyertaan 24 peserta daripada 20 jabatan dan agensi kerajaan, membincangkan serta memperhalusi lapan isu utama hasil CBLL Beaufort melalui pendekatan holistik dan kolaboratif rentas jabatan, dan majlis perasmian bengkel telah disempurnakan oleh Tn. Mohd Nazri Ajun, Pegawai Daerah Beaufort.

The Policy Intervention Capacity Building Workshop Series 2: Government Agencies for the Beaufort District was successfully conducted with the participation of 24 participants from 20 government departments and agencies, during which eight key issues identified through the Beaufort CBLL were discussed and refined using a holistic and cross-departmental collaborative approach, and the workshop was officially opened by Mr. Mohd Nazri Ajun, District Officer of Beaufort.



PUSAT-PUSAT MYSDG & JABATAN-JABATAN APPGM-SDG MYSDG CENTRES & APPGM-SDG DEPARTMENTS

Pusat-pusat MySDG dan Jabatan-jabatan APPGM-SDG berfungsi sebagai tulang belakang pelaksanaan agenda pembangunan mampan melalui penyelidikan dasar, pembangunan kapasiti, dan keterangkuman sosial. Setiap pusat dan jabatan—termasuk **Pusat MySDG untuk Keterangkuman Sosial, Akademi MySDG, Jabatan Solusi Dasar, dan Jabatan Advokasi Dasar Peringkat Parlimen**—mempunyai mandat khusus dalam memperkukuh penyetempatan SDG.

Dengan sokongan strategik daripada Ibu Pejabat APPGM-SDG, jabatan-jabatan ini saling melengkapi dalam membentuk dasar berasaskan bukti, memperkasa komuniti, serta menjalin kerjasama dengan rakan pelaksana di seluruh negara.

*MySDG Centres and APPGM-SDG Departments serve as the backbone of sustainable development implementation through policy research, capacity building, and social inclusion. Each centre and department—including **MySDG Centre for Social Inclusion, MySDG Academy, Policy Solutions Department and Parliamentary Policy Advocacy Department**—carries a specific mandate to strengthen SDG localisation.*

With strategic support from the APPGM-SDG Headquarters, these departments work in synergy to shape evidence-based policies, empower communities, and foster collaboration with implementing partners across the country.



10.12.2025

Pelancaran Laporan *State of Freedom of Expression in Malaysia* (2025)
The State of Freedom of Expression in Malaysia Report (2025) Launch

80



Abdullah Nishad telah menghadiri pelancaran Laporan *State of Freedom of Expression in Malaysia* (2025) anjuran Centre for Independent Journalism (CIJ), di mana CIJ menekankan komitmen Perdana Menteri dalam memperkukuh kebebasan bersuara dan amalan demokrasi. Mereka turut menyatakan bahawa kelulusan Akta Majlis Media Malaysia (MMC) merupakan langkah positif ke arah meningkatkan autonomi media, di samping perkembangan menggalakkan mengenai Rang Undang-Undang Hak untuk Mendapatkan Maklumat (RTI) yang akan dibentangkan. Sesi tersebut diakhiri dengan gesaan agar reformasi legislatif dan struktural dilaksanakan secara menyeluruh.

Abdullah Nishad attended the launch of the State of Freedom of Expression in Malaysia Report (2025) hosted by the Centre for Independent Journalism (CIJ), where CIJ highlighted the Prime Minister's commitment to strengthening freedom of expression and democratic practices. They noted the passing of the Malaysian Media Council (MMC) Act as a positive step toward greater media autonomy, alongside encouraging progress on the upcoming Right to Information (RTI) Bill. The session concluded with a call for comprehensive legislative and structural reforms.



Akademi



Academy



Corporate
Communications Department

9.12.2025

Majlis Makan Malam Khas Anjuran Duta Kesatuan Eropah

Special Dinner Hosted by the Ambassador of the European Union

81



Akademi MySDG telah dijemput ke majlis makan malam khas yang dianjurkan oleh Duta Kesatuan Eropah, En. Rafael Daerr, di Kediaman EU, di mana perbincangan tentang budaya CSO serta penglibatan belia dalam komuniti telah diadakan — satu peringatan tepat pada masanya tentang nilai yang dibawa oleh kerja CSO kepada perbincangan serantau. Zoel turut mengambil kesempatan untuk berkongsi tentang Pelan Hala Tuju ASEAN SDG-SSE sepanjang sesi tersebut.


MySDG Academy was invited to a special dinner hosted by the Ambassador of the European Union, Mr. Rafael Daerr, at the EU Residence, where a discussion on the culture of CSOs and youth engagement in the community was held — a timely reminder of the value CSOs work contributes to regional conversations. Zoel also took the opportunity to share the ASEAN SDG-SSE Roadmap during the exchange.

9.12.2025

Persediaan bagi Program Kepimpinan Inklusif (iLEAP) 2025

Inclusive Leadership Programme (iLEAP) 2025 Preparation

82



Iman Nurhakim telah menghadiri mesyuarat bersama pasukan iLEAP yang diwakili oleh Cik Tania dan En. Danial bagi membuat persediaan untuk peranannya sebagai panelis dalam Program Kepimpinan Inklusif (iLEAP) 2025. Program ini akan memberi tumpuan kepada bagaimana SDG dapat dilokalkan dalam sektor sukan di Malaysia dan rantau ASEAN, dengan menjadikan APPGM-SDG sebagai model pembangunan belia dalam bidang sukan.

Iman Nurhakim attended a meeting with the iLEAP team, represented by Ms. Tania and Mr. Danial, to prepare for his role as a panelist for the Inclusive Leadership Programme (iLEAP) 2025. The programme will focus on how the SDGs can be localised within the sports sector in Malaysia and the wider ASEAN region, using APPGM-SDG as a model for youth development in sports.

15.12.2025

Sidang Kemuncak Community Programme for Sustainable Impact Mission (COMPASSION Summit) 2025

Community Programme for Sustainable Impact Mission (COMPASSION Summit) 2025

83



Akademi MySDG telah dijemput sebagai penceramah utama di COMPASSION Summit 2025 yang berlangsung di AC Hotel, Pulau Pinang anjuran Universiti Sains Malaysia, dengan penyertaan lebih 100 orang dekan, timbalan dekan, pengarah dan pensyarah yang terlibat dalam penyelidikan serta kerja-kerja komuniti, di mana Zoel Ng telah berkongsi pengalaman dan penerbitan APPGM-SDG dalam memperkasa komuniti dan belia melalui pendekatan bawah ke atas serta pelbagai pihak berkepentingan.

MySDG Academy was invited as a keynote speaker at the COMPASSION Summit 2025 held at AC Hotel, Penang, organised by Universiti Sains Malaysia, with participation from over 100 deans, deputy deans, directors, and lecturers involved in community research and engagement, during which Zoel Ng shared APPGM-SDG's experience and publications in strengthening communities and youth through a bottom-up, multi-stakeholder approach.

19.12.2025

Pertemuan bagi Potensi Kerjasama dalam Pembangunan ASEAN SDG-SSE Playbook

Potential Collaboration on the Development of The ASEAN SDG-SSE Playbook Meeting

84



Pasukan Akademi MySDG telah mengadakan pertemuan dengan wakil dari Universiti Antarabangsa Al-Bukhary (AIU), Kedah, bagi meneroka potensi kerjasama dalam pembangunan ASEAN SDG-SSE *Playbook* serta komponen penyelidikan bagi Pelan Hala Tuju. Sebagai sebuah universiti bukan berasaskan keuntungan yang menempatkan pelajar dari lebih 60 negara dengan fokus kukuh terhadap perniagaan sosial dan kapasiti penyelidikan khusus, pihak AIU menyatakan keterbukaan untuk menjalin kerjasama lanjut dan telah dijemput menghadiri Majlis Pelancaran Pelan Hala Tuju ASEAN SDG-SSE pada 24 Januari, dengan perbincangan susulan akan diteruskan selepas cuti Tahun Baharu.

The MySDG Academy team met with the representative from Al-Bukhary International University (AIU), Kedah, to explore potential collaboration on the development of the ASEAN SDG-SSE Playbook and the research component of the Roadmap. As a non-profit university hosting students from over 60 countries with a strong focus on social business and dedicated research capacity, AIU expressed openness to further partnership, and was invited to the ASEAN SDG-SSE Roadmap Launch on 24 January, with follow-up discussions to continue after the New Year break.

20.12.2025

Mesyuarat Susulan berkaitan Pengarusutamaan Sektor Ketiga

Follow-Up Meeting on Mainstreaming the Third Sector

86



Mesyuarat susulan berkaitan Pengarusutamaan Sektor Ketiga telah diadakan dengan penyertaan seramai 16 orang peserta, terdiri daripada lapan orang hadir secara fizikal dan lapan orang menyertai secara dalam talian, di mana Prof. Datuk Dr Denison Jayasooria telah menyampaikan ulasan semula mengenai peluang yang disediakan kepada Sektor Ketiga di bawah Rancangan Malaysia Ke-13, diikuti dengan pelancaran tiga kumpulan kerja yang memberi tumpuan kepada pengukuhan daya tahan dan keterlihatan, pemerkasaan perkongsian dan keterangkuman perniagaan, serta advokasi dasar, selain sesi pembelajaran berkaitan Matriks Kerangka Logik yang dikendalikan oleh Prof. Khairuddin.

The follow-up meeting on mainstreaming the Third Sector was conducted with 16 participants, comprising eight attending in person and eight joining online, during which Prof. Datuk Dr Denison Jayasooria provided a recap of the opportunities available to the Third Sector under the 13th Malaysia Plan, followed by the rollout of three working groups focusing on enhancing resilience and visibility, strengthening partnerships and business inclusion, and advancing policy advocacy, as well as a learning session on the Logic Framework Matrix led by Prof. Khairuddin.

21.12.2025

Persatuan Olympisme Malaysia dalam Tindakan

Malaysian Olympism in Action Society

87



Akademi MySDG telah dijemput oleh Persatuan Olympisme Malaysia dalam Tindakan untuk mengendalikan satu sesi latihan kepada atlet di International Youth Centre (IYC), di mana Iman Nurhakim telah menyampaikan bengkel berkaitan pengaplikasian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dalam bidang sukan dan kehidupan seharian, dengan penerapan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) melalui aktiviti interaktif *Evolution energisers* serta sesi "Logo-lise the SDG", yang disertai oleh 35 orang belia dari seluruh Malaysia dan ASEAN.

MySDG Academy was invited by the Malaysian Olympism in Action Society to conduct a training session for athletes at the International Youth Centre (IYC), where Iman Nurhakim led a workshop on localising the Sustainable Development Goals (SDGs) in sports and everyday life, integrating Environmental, Social and Governance (ESG) principles through interactive Evolution energisers and a "Logo-lise the SDG" activity, with participation from 35 youths across Malaysia and ASEAN.



29.12.2025

Perbincangan Strategik Penambahbaikan Laman Sesawang APPGM-SDG (2026)

Strategic Discussion on APPGM-SDG Website Enhancement (2026)

88



Unit Komunikasi Korporat bersama Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria & Nur Rahmah telah mengadakan satu mesyuarat bagi membincangkan penambahbaikan laman sesawang APPGM-SDG, dengan fokus kepada peningkatan kualiti kandungan dan pengalaman pengguna (*user interface*) bagi tahun 2026.

The Corporate Communications Unit, together with Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria & Nur Rahmah, held a meeting to discuss improvements to the APPGM-SDG website, with a focus on enhancing content quality and the user experience (user interface) for 2026.



JABATAN PENYELARASAN KAWASAN PARLIMEN | CONSTITUENCY COORDINATION DEPARTMENT

3.12.2025

Sidang Kemuncak Belia ASEAN 2025 ASEAN Youth Summit 2025

89



Nur Syadhira telah menyertai ASEAN Youth Summit 2025 anjuran MIDP sebagai delegasi di bawah kluster Tenaga Mampan, di mana beliau memperoleh pendedahan berharga melalui sesi perkongsian bersama pengasas Kathryn Beauty International, Architects of Diversity (APPGM Racial & Religious Harmony), RULers dan Matcha Mura, disertai perbincangan mengenai cabaran serantau serta peluang berhubung dengan profesional sektor tenaga daripada pelbagai organisasi dan negara di rantau ini.

Nur Syadhira participated in the ASEAN Youth Summit 2025 organised by MIDP as a delegate under the Sustainable Energy pillar, where she gained valuable exposure through sharing sessions with founders from Kathryn Beauty International, Architects of Diversity / APPGM Racial & Religious Harmony, RULers, and Matcha Mura, alongside discussions on regional challenges and networking with energy sector professionals from various organisations and countries across the region.

10.12.2025

Dialog Dasar mengenai Pemerkasaan Peralihan Adil Policy Dialogue on Advancing Just Transition

90



Nur Syadhira telah menghadiri dialog dasar anjuran UNDP bertajuk “Advancing Just Transition: Integrating Local Perspectives in Malaysia’s Green and Resilient Development,” yang membincangkan bagaimana Malaysia boleh bergerak ke arah ekonomi rendah karbon secara adil dan inklusif, khususnya bagi komuniti luar bandar dan pedalaman. Sesi tersebut turut menekankan peranan penting wanita dan belia, di samping perkongsian dasar oleh Dr. Juita Mohamad yang mengetengahkan kepentingan kerangka nasional seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Rancangan Malaysia Ke-13, Dasar Tenaga Negara 2022–2040 dan Akta Tenaga Boleh Baharu 2022.

Nur Syadhira attended UNDP’s policy dialogue titled “Advancing Just Transition: Integrating Local Perspectives in Malaysia’s Green and Resilient Development,” which explored how Malaysia can transition to a low-carbon economy in a fair and inclusive way, particularly for rural and remote communities. The session also highlighted the vital role of women and youth, alongside policy insights from Dr. Juita Mohamad, who underscored the importance of national frameworks such as the Malaysia’s National Energy Transition Roadmap (NETR), the 13th Malaysia Plan, the National Energy Policy 2022–2040, and the Renewable Energy Act 2022.



DISEMBER 2025



JABATAN PENGURUSAN PROJEK |
PROJECT MANAGEMENT DEPARTMENT

JABATAN PENGURUSAN PROJEK | PROJECT MANAGEMENT DEPARTMENT

12.12.2025

Mesyuarat Perbincangan Projek-Projek 2025
Discussion Meeting on 2025 Projects

91



Jabatan Pengurusan Projek (PMD) telah mengadakan mesyuarat yang memfokuskan kepada projek-projek 2025, dan pasukan akan memberikan sokongan kepada Rakan Solusi (SP) untuk memastikan kesinambungan dan penyiapan projek masing-masing berjaya.

PMD conducted a meeting focused on the 2025 projects, confirming that the team will provide support to the Solution Providers (SPs) to ensure the successful continuation and completion of their respective projects.




JABATAN ADVOKASI DASAR PERINGKAT PARLIMEN | PARLIAMENTARY POLICY ADVOCACY DEPARTMENT

5.12.2025

Mesyuarat bersama Pakar Bidang Dalam Penulisan Laporan Akhir Dasar Peringkat Parlimen APPGM-SDG

Meeting with Subject Experts Involved in the writing of the APPGM-SDG Parliamentary-Level Policy Final Report

92



Dr. Teo Sue Ann telah mengetuai perjumpaan secara hibrid bersama pakar bidang yang terlibat dalam penulisan laporan akhir dasar APPGM-SDG peringkat Parlimen, bertujuan memberi kemas kini perkembangan laporan serta membincangkan persediaan peluncuran laporan yang dijadualkan pada tahun 2026, dengan penyertaan turut melibatkan pasukan Komunikasi Korporat.


Dr. Teo Sue Ann led a hybrid meeting with subject experts involved in the writing of the APPGM-SDG parliamentary-level final policy report, aimed at providing updates on the report's progress and discussing preparations for its launch scheduled in 2026, with participation from the Corporate Communications team.

9.12.2025

Mesyuarat bersama Pakar Bidang bagi Penulisan Laporan Dasar Bertemakan Keterjaminan Makanan (Perikanan)

Meeting with Subject Experts in Drafting of a Policy Report Themed Around Food Security (Fisheries)

93




Perjumpaan bersama Cik Jasmin Saad telah diadakan bagi memberikan maklum balas terhadap penulisan laporan dasar bertemakan keterjaminan makanan (perikanan). Perbincangan turut menumpukan kepada penambahbaikan kandungan sebelum laporan tersebut dimuktamadkan sebagai laporan akhir dasar.

A meeting with Ms. Jasmin Saad was held to provide feedback on the drafting of a policy report themed around food security (fisheries). The discussion also focused on improving the content before the report is finalised as the official policy document.

12.12.2025

Mesyuarat bersama Jawatankuasa Pilihan (JKP) *Meeting with Select Committee (JKP)*

94



PPAD telah mengadakan perjumpaan atas talian bersama Pn. Farah, sekretariat Jawatankuasa Pilihan (JKP) Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat serta Jawatankuasa Pilihan (JKP) Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi. Perjumpaan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan penerangan mengenai tatacara mesyuarat jawatankuasa pilihan semasa sesi persidangan dewan rakyat. PPAD berharap agar JKP dapat menjadi salah satu platform untuk APPGM-SDG menjalankan gerak kerja advokasi dasar.

PPAD held an online meeting with Ms. Farah, the secretariat for the Select Committee (JKP) on Women, Children, and Community Development, as well as the Select Committee (JKP) on Infrastructure, Transport, and Communications. The purpose of this meeting was to obtain an explanation regarding the procedures for select committee meetings during the parliamentary session. PPAD hopes that the Select Committee can become a platform for APPGM-SDG to carry out policy advocacy work.

19.12.2025

Perbincangan Penyediaan Draf Laporan Dasar bertemakan Pertanian *Discussion on the Preparation of a Draft Agriculture-Themed Policy Report*

95



Lydia Ann bersama En. Kon Onn Sein telah mengadakan pertemuan dengan Dr. Shahiida Musa, Pengarah Kanan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA), bagi mendapatkan input dan membincangkan penyediaan draf laporan dasar bertemakan pertanian, dengan fokus kepada rantai nilai penjualan sayur-sayuran dan buah-buahan serta usaha meningkatkan nilai ekonomi pekebun kecil melalui pemerksaan pengetahuan harga pasaran dan kemahiran perundingan bagi membolehkan penetapan harga pintu ladang yang lebih kompetitif.

Lydia Ann, together with En. Kon Onn Sein, held a meeting with Dr Shahiida Musa, Senior Director of the Policy and Strategic Planning Division at the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA), to gather input and discuss the preparation of a draft agriculture-themed policy report, focusing on the vegetable and fruit value chain as well as efforts to enhance the economic value of smallholders through strengthening market price awareness and negotiation skills to enable more competitive farm gate pricing.


PENGURUSAN PEJABAT | OFFICE MANAGEMENT

3.12.2025

Perbincangan Kajian Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Discussion on Community Rehabilitation Centre Study

96



Jabatan Advokasi Dasar Parlimen (PPAD) bersama Jabatan Solusi Dasar (PSD) telah mengadakan perbincangan susulan bagi meneliti perkembangan semasa Kajian Pemetaan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), termasuk cabaran yang dihadapi oleh enumerator serta keperluan pelanjutan tempoh kajian, yang kini dijangka tamat pada Januari 2026, bagi memastikan pengumpulan data 580 PDK di seluruh Malaysia dapat diselesaikan dengan lengkap.

The Parliamentary Policy Advocacy Department (PPAD), together with the Policy Solutions Department (PSD), held a follow-up discussion to review the current progress of the Community-Based Rehabilitation Centre (PDK) Mapping Study, including challenges faced by enumerators and the need to extend the study period, which is now expected to conclude in January 2026, to ensure comprehensive data collection across all 580 PDK nationwide.

4.12.2025

Perbincangan Pelan dan Strategi Komunikasi Korporat 2026

Corporate Communication 2026 Plan and Strategy Discussion

97



Perbincangan Pelan dan Strategi Komunikasi Korporat 2026 yang dipimpin oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria memfokuskan kepada pengukuhan pendekatan komunikasi secara menyeluruh melalui pemurnian mesej utama, penjajaran kandungan mengikut keperluan khalayak sasaran, serta penambahbaikan bahan publisiti dan sumber bagi menyokong jangkauan yang lebih luas dan berkesan.

The Corporate Communication 2026 Plan and Strategy Discussion, led by Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, focused on strengthening our overall communication approach by refining key messages, aligning content with audience needs, and enhancing publicity and resource materials to support broader and more effective outreach.

4.12.2025

Majlis penutup Kajian Sukarela Kebangsaan (VNR) Malaysia 2025

Closing Ceremony of Malaysia's National Voluntary Review (VNR) 2025

98



Pasukan APPGM-SDG telah menghadiri pembentangan akhir dan majlis penutup Kajian Sukarela Kebangsaan (VNR) Malaysia 2025 di Hotel Meridian, Putrajaya, yang dianjurkan oleh UNDP dan Pusat SDG Negara (PSN). Dalam majlis tersebut, pasukan turut berinteraksi dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk PSN, Malaysian CSO-SDG Alliance dan Kementerian Ekonomi, serta mengikuti sesi panel yang menampilkan wakil daripada PSN, akademik, pakar dasar alam sekitar dan masyarakat sivil.

The APPGM-SDG team attended the final presentation and closing ceremony of Malaysia's National Voluntary Review (VNR) 2025 at the Meridian Hotel, Putrajaya, organised by UNDP and Pusat SDG Negara (PSN), where they engaged with key stakeholders including PSN, the Malaysian CSO-SDG Alliance and the Ministry of Economy, and participated in a panel discussion featuring representatives from PSN, academia, environmental policy and civil society.

4.12.2025

Perjumpaan Ringkas berkenaan Gerak Kerja APPGM-SDG

Brief Meeting regarding APPGM-SDG's Current Progress

99



Satu perjumpaan ringkas telah diadakan bersama Pengerusi APPGM-SDG, YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis, bagi memberikan kemas kini berkaitan perkembangan dan gerak kerja semasa APPGM-SDG.

A brief meeting was held with the Chairperson of APPGM-SDG, YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis, to provide updates on the organisation's current progress and ongoing work.

6.12.2025

Di Luar Bingkai: Kehidupan dalam Kolonialisme dan Prekariti

Outside the Frame: Living with Colonialism & Precarity

100



Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria dan Karuppiyah menghadiri acara bertajuk Di Luar Bingkai: Kehidupan dalam Kolonialisme dan Prekariti, realiti kehidupan 47 wanita Tamil Malaysia telah diketengahkan menerusi satu kajian yang diketuai oleh Dr. Geetha Reddy dari The Open University, United Kingdom.

Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria and Karuppiyah attended an event titled Outside the Frame: Living with Colonialism & Precarity, the lived realities of 47 Malaysian Tamil women were highlighted through a study led by Dr. Geetha Reddy from The Open University, UK.

8.12.2025

Siri Ceramah Arkeologi di Universiti Malaya bertajuk Exploring Malaysia's Maritime Past: An Introduction to Malaysia's Underwater Archaeology

Archaeology Talk Series at Universiti Malaya Titled Exploring Malaysia's Maritime Past: An Introduction to Malaysia's Underwater Archaeology

101



Nuha Mysara dan Nur Syadhira telah menghadiri siri ceramah arkeologi di Universiti Malaya bertajuk *Exploring Malaysia's Maritime Past: An Introduction to Malaysia's Underwater Archaeology* yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Hasrizal Shaari dari Universiti Malaysia Terengganu. Sesi ini menekankan keperluan mendesak terhadap kepakaran dalam arkeologi maritim dengan menjadikan bangkai kapal Pulau Bidong sebagai kajian kes, serta menegaskan kepentingan kemahuan politik dan kerjasama pelbagai pihak dalam memelihara warisan bawah air, selaras dengan SDG 11 (Sasaran 11.4) dan SDG 16.

Nuha Mysara and Nur Syadhira attended an archaeology talk series at Universiti Malaya titled Exploring Malaysia's Maritime Past: An Introduction to Malaysia's Underwater Archaeology, delivered by Assoc. Prof. Dr. Hasrizal Shaari of Universiti Malaysia Terengganu. The session highlighted the urgent need for expertise in maritime archaeology, using the Pulau Bidong shipwreck as a case study, and emphasized the role of political will and multi-stakeholder collaboration in safeguarding underwater heritage, in line with SDG 11 (Target 11.4) and SDG 16.

8.12.2025

Mesyuarat berkenaan Modul Latihan Kejiranan

Neighborhood Training Modules Meeting

102




Dr. Khairil Ahmad, James Raj, Karuppiah, Annabella Ching dan Abdullah Nishad telah mengadakan mesyuarat susulan bersama Puan Cynthia Gabriel bagi membincangkan modul latihan kejiranan yang akan dilaksanakan tahun hadapan, yang akan memberi tumpuan kepada Rancangan Malaysia Ke-13 dan Hak Warganegara sebagai komponen utama program tersebut.

Dr. Khairil Ahmad, James Raj, Karuppiah, Annabella Ching, and Abdullah Nishad held a follow-up meeting with Ms. Cynthia Gabriel to discuss the neighbourhood training modules scheduled for next year, which will focus on the 13th Malaysia Plan and Citizen Rights as key components of the programme.

8.12.2025

Mesyuarat berkenaan Pelan Hala Tuju ASEAN SDG-SSE
Meeting of The ASEAN SDG-SSE Roadmap

103



Satu mesyuarat perbincangan berkaitan Pelan Hala Tuju ASEAN SDG-SSE telah diadakan dengan penglibatan yang tinggi, input yang bermakna dan hala tuju bersama yang jelas, merangkumi kemajuan perancangan kalendar 2026, perbincangan mengenai pelancaran awal roadmap, serta strategi untuk memperluas penyertaan di peringkat ASEAN, dengan pelancaran rasmi dijadualkan pada Selasa, 27 Januari 2026.

A meeting to discuss the ASEAN SDG-SSE Roadmap was held with strong engagement, thoughtful inputs and a clear shared direction, covering progress on the 2026 calendar planning, plans for the roadmap soft launch, and strategies to expand ASEAN-wide participation, with the official launch scheduled for Tuesday, 27 January 2026.

11.12.2025

Simposium Keamanan Global 2025*Global Peace Symposium 2025*

104



Pasukan PPAD bersama Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria menghadiri Simposium Keamanan Global 2025 anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bertajuk "Building Peaceful, Just and Inclusive Societies: A Global Call to Realise SDG 16" di Renaissance KL Hotel & Convention Centre. Datuk Dr. Denison menjadi panel bagi Sesi 2 dan membentangkan topik beliau, "Realising SDG 16: Global Action for Peace, Justice and Strong Institutions."

The PPAD team and Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria attended the Global Peace Symposium 2025 organised by Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) titled "Building Peaceful, Just and Inclusive Societies: A Global Call to Realise SDG 16" at the Renaissance KL Hotel & Convention Centre, where Datuk Dr. Denison spoke during Panel Session 2, presenting his topic "Realising SDG 16: Global Action for Peace, Justice and Strong Institutions."

15.12.2025

Global AI Digital & Green Economy Summit 2025

Global AI Digital & Green Economy Summit 2025

105



Nurul Syaza, Siti Hajar, Mohd Hazwan, Iman Nurhakim, Karuppiah, Vikneswaran dan Abdullah telah menghadiri Global AI Digital & Green Economy Summit 2025 yang berlangsung di Hotel Majestic, Kuala Lumpur, anjuran KSI Strategic Institute for Asia Pacific, di mana mereka berpeluang bertemu dengan penceramah khas dan tokoh digital global terkemuka, Mr N. R. Narayana Murthy, Pengasas Infosys Ltd (India) dan Pengerusi Bersama World Digital Chamber (WDC). Karuppiah turut mengambil kesempatan berkongsi secara ringkas peranan APPGM-SDG dalam memacu kelestarian tenaga hijau.

Nurul Syaza, Siti Hajar, Mohd Hazwan, Iman Nurhakim, Karuppiah, Vikneswaran and Abdullah attended the Global AI Digital & Green Economy Summit 2025 held at the Majestic Hotel, Kuala Lumpur, organised by the KSI Strategic Institute for Asia Pacific, where they had the opportunity to meet the special address speaker and renowned global digital leader, Mr N. R. Narayana Murthy, Founder of Infosys Ltd (India) and Co-Chair of the World Digital Chamber (WDC). Karuppiah took the opportunity to briefly share the role of APPGM-SDG in advancing green energy sustainability.

18.12.2025

Forum Hari Migran Antarabangsa

International Migrants Day Forum

106



Abdullah dan Annabella Ching telah mewakili APPGM-SDG ke Forum Hari Migran Antarabangsa yang dianjurkan oleh Kesatuan Eropah, KOMAS dan NSI, bertajuk "Pekerja Migran adalah Pekerja: Menolak Rasisme dan Xenofobia", yang berlangsung di Armada Hotel, Petaling Jaya, dengan perbincangan menekankan isu peminggiran dan eksploitasi terhadap migran dan pelarian, serta kepentingan menjunjung maruah, hormat dan keterangkuman di Malaysia sebagai sebuah negara yang dibentuk oleh sejarah migrasi, selaras dengan prinsip tidak meninggalkan sesiapa pun.

Abdullah and Annabella Ching represented APPGM-SDG at the International Migrants Day Forum, organised by the European Union, KOMAS, and NSI, titled "Migrant Workers are Workers: Saying No to Racism & Xenophobia", held at Armada Hotel, Petaling Jaya, where discussions highlighted the marginalisation and exploitation of migrants and refugees, and underscored the importance of upholding dignity, respect, and inclusivity in Malaysia as a nation shaped by migration, in line with the principle of leaving no one behind.

19.12.2025

Mesyuarat EXCO Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PPMPL)

EXCO Meeting for the Society for the Promotion of SDGs (PPMPL)

107



Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) kelima bagi tahun 2025 untuk Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari (PPMPL) telah diadakan di bawah pengerusi Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria. Sesi tersebut dihadiri secara fizikal oleh Prof. Datuk Dr. Denison, Nur Rahmah, Dr. Lin Mui Kiang, Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli, James Raj, En. Kon Onn Sein, Dr. Jain Yasin, Rachel Tan, dan Zoel Ng, manakala Jeffrey menyertai mesyuarat tersebut secara dalam talian.

The fifth 2025 Executive Committee (EXCO) meeting of the Society for the Promotion of Sustainable Development Goals (PPMPL) was convened under the chairmanship of Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria. The session saw physical attendance from Prof. Datuk Dr. Denison, Nur Rahmah, Dr. Lin Mui Kiang, Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli, James Raj, Mr. Kon Onn Sein, Dr. Jain Yasin, Rachel Tan, and Zoel Ng, while Jeffrey participated remotely via an online platform.

30.12.2025

Kunjungan ke Gerak Budaya berkaitan Proses Penerbitan

A Visit to Gerak Budaya Regarding the Publication Process

108



Dr. Teo Lee Ken dan Hirzawati Atikah telah mengadakan kunjungan ke Gerak Budaya untuk bertemu Pak Chong bagi mendapatkan pandangan berkaitan proses penerbitan, di mana beliau menekankan beberapa pertimbangan utama termasuk pilihan penyuntingan dan percetakan, model penerbitan dan penerbitan bersama, rangkaian pengedaran, serta tempoh masa yang realistik untuk menghasilkan penerbitan berkualiti, dan beliau juga akan menilai enam buah buku terbitan APPGM-SDG dari perspektif penerbit bagi menilai kandungan, format, susun atur, sasaran pembaca serta aspek penambahbaikan yang diperlukan.

Dr. Teo Lee Ken and Hirzawati Atikah visited Pak Chong at Gerak Budaya to seek advice on the publication process, where he highlighted key considerations including editing and printing options, publishing and co-publishing models, distribution networks, and realistic timelines for quality publications, and will review six of APPGM-SDG's books from a publisher's perspective to assess content, format, layout, target readership and areas for improvement.



SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT

SDG 17 PARTNERSHIP FOR THE GOALS

SDG 17: Kerjasama Untuk Matlamat merupakan asas kepada strategi pelaksanaan APPGM-SDG, yang **memacu kerjasama merentasi sektor** dengan Parlimen, agensi kerajaan, universiti, pertubuhan sivil, dan sektor swasta bagi mengukuhkan penyampaian SDG di peringkat akar umbi.

Sepanjang bulan lalu, kerjasama baharu dan yang diperluaskan telah menyumbang kepada pembinaan ekosistem pelaksanaan yang lebih bersepadu dan mampan. Ibu Pejabat APPGM-SDG memainkan peranan penting dalam menyelaras kerjasama ini, **memastikan sinergi dan perkongsian sumber yang berkesan ke arah mencapai impak kolektif**.

*SDG 17: Partnership for the Goals is the foundation of APPGM-SDG's implementation strategy, **driving cross-sector collaboration** with Parliament, government agencies, universities, civil society, and the private sector to strengthen SDG delivery at the grassroots level.*

*Over the past month, new and expanded partnerships have contributed to building a more integrated and sustainable implementation ecosystem. The APPGM-SDG's Headquarter plays a vital role in coordinating these partnerships, **ensuring synergy and effective resource sharing toward achieving collective impact**.*

Accomplished

SDG 17 KERJASAMA UNTUK MATLAMAT | SDG 17 PARTNERSHIP FOR THE GOALS

3-5.12.2025

Persidangan Dwibiennial ke-26 Asian Association of Social Science Research Councils (AASSREC)

26th Biennial Conference of the Asian Association of Social Science Research Councils (AASSREC)

109



Assoc. Prof. Dr. Ng Miew Luan dan Dr. Maisarah Hasbullah telah mewakili Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) di Persidangan Dwibiennial ke-26 Asian Association of Social Science Research Councils (AASSREC) yang berlangsung di New Delhi, India di mana mereka membentangkan kertas kerja bertajuk "SDG Micro-Grants on Malaysian Civil Society Organisations: The Roles of PSSM in APPGM-SDG Projects 2023-2024," yang menekankan peranan geran mikro dalam memperkukuh penyertaan organisasi masyarakat sivil dalam pelaksanaan SDG; sebelum persidangan tersebut, mereka turut menghadiri program pra-acara "Doing Research in Asia and the Pacific" anjuran Global Development Network dan Local Research for Better Lives.

Assoc. Prof. Dr. Ng Miew Luan and Dr. Maisarah Hasbullah represented the Malaysian Social Science Association (PSSM) at the 26th Biennial Conference of the Asian Association of Social Science Research Councils (AASSREC) held in New Delhi, India where they presented their paper titled "SDG Micro-Grants on Malaysian Civil Society Organisations: The Roles of PSSM in APPGM-SDG Projects 2023-2024," highlighting the role of micro-grants in strengthening civil society participation in SDG implementation; prior to the conference, they also attended the pre-event "Doing Research in Asia and the Pacific" organised by the Global Development Network and Local Research for Better Lives.



Senarai Singkatan | *List of Abbreviations*

	MALAY	ENGLISH
ADO	Penolong Pegawai Daerah	Assistant District Officer
APPGM-SDG	Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Berkenaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)	All Party Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals (SDG)
CADO	Ketua Penolong Pegawai Daerah	Chief Assistant District Officer
CCD	Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen	Constituency Coordination Department
CLC	Pusat Pembelajaran Komuniti	Community Learning Centre
CSO	Pertubuhan Masyarakat Sipil	Civil Society Organisation
DO	Pegawai Daerah	District Officer
FGD	Perbincangan Kumpulan Fokus	Focus Group Discussion
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	Federal Land Development Authority
IAD	Dialog Antara Agensi	Inter-Agency Dialogue
JPKK	Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung	Village Development and Security Committee
KRT	Kawasan Rukun Tetangga	Neighbourhood Watch
LC	Penyelaras Tempatan	Local Coordinator
MP	Ahli Parlimen (AP)	Member of Parliament
MPI	Indeks Kemiskinan Multidimensi	Multidimensional Poverty Index
NETR	Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara	National Energy Transition Roadmap
NGO	Organisasi Bukan Kerajaan	Non-Government Organisation
NPO	Organisasi Bukan Untung	Non-Profit Organisation
OKU	Orang Kurang Upaya	Persons with Disabilities (PwD)
PDK	Pemulihan Dalam Komuniti	Community Rehabilitation
PKK	Program Kejiranan dan Kepimpinan	Neighbourhood and Leadership Programme
PMD	Jabatan Pengurusan Projek	Project Management Department
PPAD	Jabatan Advokasi Dasar Peringkat Parlimen	Parliamentary Policy Advocacy Department
PPDK	Pusat/Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti	Community Rehabilitation Centre
PPMPL	Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari	Society for the Promotion of Sustainable Development Goals
PSD	Jabatan Solusi Dasar	Policy Solutions Department
RMK13	Rancangan Malaysia Ketigabelas	Thirteenth Malaysia Plan (13MP)
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan	Sustainable Development Goals

Senarai Singkatan | *List of Abbreviations*

	MALAY	ENGLISH
SP	Rakan Solusi	Solution Provider
UN	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)	United Nations
UPEN	Unit Pembangunan Ekonomi Negeri	State Economic Development Unit




Tarikh Program

Programme Dates



- | | | |
|--|--|---|
|  <p>1</p> | <p>"Pengalaman dalam Lokalisasi SDG, Pencapaian & Cabaran Masa Lalu: Kesegeraan & Peluang bagi Fasa Seterusnya 2026–2030" menampilkan Dr. Selva Ramachandran <i>Experiences in SDG Localisation, the Achievements & Challenges in the Past: Urgency & Opportunities for the Next Phase 2026 - 2030" featuring Dr. Selva Ramachandran</i></p> | <p>5 Januari 2025
<i>5 January 2025</i></p> |
|  <p>2</p> | <p>Mesyuarat Kepimpinan Sekretariat <i>Secretariat Leadership Meeting</i></p> | <p>5-6 Januari 2025
<i>5-6 January 2025</i></p> |
|  <p>3</p> | <p>Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG @ Parlimen Malaysia <i>APPGM-SDG Committee Meeting @ Parliament of Malaysia</i></p> | <p>22 Januari 2025
<i>22 January 2025</i></p> |
|  <p>4</p> | <p>Pelancaran Pelan Hala Tuju SDG-SSE ASEAN <i>The Launch of ASEAN SDG-SSE Roadmap</i></p> | <p>27 Januari 2025
<i>27 January 2025</i></p> |
|  <p>5</p> | <p>Pelancaran Kertas Kerja Geran Kecil Kajian Kes (CSSG) untuk Penyelidik Muda <i>Case Study Small Grants (CSSG) for Young Researchers Paper Launch</i></p> | <p>29 Januari 2025
<i>29 January 2025</i></p> |



**Penyelarasan
Kawasan Parlimen**

**Pengurusan Projek
Mikro SDG**

**Pembangunan
Kapasiti**

**Advokasi Dasar
Peringkat Parlimen**

**Solusi Dasar
Peringkat Daerah**

**Pemeriksaan
Belia**

**Akademi
MySDG**

**Pusat MySDG untuk
Keterangkuman Sosial**



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
(PPM-023-14-07012020)**

 A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

 secretariat@appgm-sdg.com

 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

 <https://appgm-sdg.com/>

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN